

Bil. 41

**Rabu
30 September 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KHAS**

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998	(Ruangan 1)
Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1998	(Ruangan 19)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar,
S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa,
S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,
D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.
Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka
Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin
Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato'
Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk
Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K.,
D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasar Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang
Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin,
P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman,
D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P.,
A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K.,
J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.
Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K.,
J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan,
D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

Yang Berhormat Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Musalib
	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 30 September 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA
HADAPAN (PINDAAN) 1998****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [29 September, 1998]"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

10.03 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan saya yang terhenti pada jam 5.30 semalam.

Tuan Yang di-Pertua, pengurus-pengurus aset yang menguruskan portfolio sekuriti dimestikan memegang lesen Pengurus Kumpulan Wang sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 15A dan takrif "Pengurus Kumpulan Wang" di bawah seksyen 2 FIA tahun 1983 bukannya lesen peniaga. Sebaliknya, Pengurus Kumpulan Wang yang bertindak bagi pihak klien individu yang ingin menggunakan kontrak niaga hadapan dimestikan memegang lesen broker niaga hadapan dan bukannya lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan. Dengan itu, pengurus dana asing yang menguruskan kedua-dua, iaitu ekuiti dan dagangan kontrak niaga hadapan bagi pihak klien perlu memegang lesen Pengurus Kumpulan Wang di bawah SIA 1983 serta lesen broker niaga hadapan di bawah FIA 1993.

Dalam jangka masa panjang, industri kumpulan wang dijangka akan dikawal selia di bawah undang-undang Pengurusan Pelaburan Yang Disatukan. Dalam keadaan demikian adalah lebih baik peruntukan di bawah FIA 1993 diselaraskan dengan peruntukan di bawah SIA 1983.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian juga perlu diberikan kepada tabung kesetiaan Bursa Niaga Hadapan di mana subseksyen 64(1) FIA 1993 memperuntukkan bahawa seseorang broker niaga hadapan hendaklah apabila dilesenkan di bawah FIA 1993, membayar kepada syarikat bursa amaun sebanyak RM30,000 sebagai caruman kepada tabung kesetiaan dan hendaklah selepas itu pada atau sebelum 31 Disember dalam setiap tahun selama lima tahun yang berikutnya dengan tahun dia dilesenkan membayar kepada syarikat bursa amaun sebanyak RM10,000 sebagai caruman kepada tabung kesetiaan. Ini bermakna pengurus-pengurus aset yang telah dilesen sebagai broker niaga hadapan perlu

membuat caruman kepada tabung kesetiaan sesuatu bursa walaupun mereka bukan menjadi ahli bursa niaga hadapan tersebut.

Selain dari itu, seksyen ini tidak menentukan kepada bursa yang manakah di antara tiga bursa niaga hadapan sedia ada, iaitu KLOFFE, MME dan KLCE perlu dibuat caruman. SIA 1983 tidak mempunyai peruntukan yang sama berhubung dengan tabung pampasan. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut dicadangkan supaya kategori-kategori lesen dirasionalisasikan supaya kategori-kategori lesen di bawah FIA 1983 diselaraskan dengan SIA 1983 dan peruntukan-peruntukan di bawah FIA 1993 seperti yang berhubung dengan tabung kesetiaan yang mana pengurus aset mungkin sebaliknya diperlukan membuat caruman adalah tidak terpakai. Bagi tujuan tersebut takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" dan "perniagaan pembrokeran niaga hadapan" di bawah FIA 1983 perlu diguna supaya aktiviti pengurus-pengurus aset tidak tergolong sebagai sebahagian daripada perniagaan pembrokeran niaga hadapan dan takrif "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" dipinda supaya merangkumi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pengurus-pengurus aset.

Pindaan utama mengenai takrif adalah "perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan" dan "perniagaan pembrokeran niaga hadapan" di bawah seksyen 2 FIA 1993, manakala pindaan langsung yang dicadangkan adalah melibatkan seksyen 49, 51, 63, 102 dan 103 serta seksyen baru 52C hingga 52G.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan akhbar *Singapore International Monetary Exchange* (SIMEX) bertarikh 27 April 1998 ianya bercadang untuk memperkenalkan indeks niaga hadapan berdasar saham-saham Malaysia. Adalah difahamkan bahawa indeks yang akan digunakan ialah Indeks Saham Malaysia oleh Dow Jones, iaitu Indeks Permodalan Pasaran yang terdiri daripada 127 saham-saham Malaysia. Disebabkan tahap kolerasi yang tinggi di antara Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan Indeks Saham Malaysia, Dow Jones, DJI, pengenalan Indeks DJI tersebut merupakan saingan secara langsung kepada kontrak niaga hadapan KLCI yang diurusniagakan oleh KLOFFE. Ini akan memberi kesan kepada pembangunan pasaran niaga hadapan tempatan dari segi kecairan. Pembangunan produk-produk lain seperti opsi atas KLCI dan saham-saham individu dan seterusnya menjejaskan status KLOFFE sebagai pusat untuk perniagaan produk ekuiti derivatif Malaysia.

Di samping menjejaskan pembangunan KLOFFE, SIMEX juga mungkin akan memperkenalkan produk-produk Malaysia yang lain dan ini mungkin akan menjejaskan pembangunan bursa niaga hadapan tempatan yang lain khusus MME dan KLCE. Buat masa ini kontrak-kontrak yang boleh diniagakan di SIMEX termasuklah kontrak kadar faedah ataupun Eurodolar 3 bulan, Euroyen 3-bulan dan Euromark 3-bulan. Kontrak-kontrak mata wang termasuk sports tertunda, Dollar US ataupun Yen Jepun dan sport tertunda Dollar US ataupun Deutschemark. Kontrak-kontrak bon, iaitu bon Kerajaan Jepun, kontrak-kontrak komoditi, emas dan kontrak-kontrak minyak, iaitu minyak mentah brent dan minyak tinggi kandungan bahan api sulfur.

SIMEX juga berupaya untuk memperkenalkan kontrak-kontrak kadar faedah Malaysia dan kontrak-kontrak mata wang ringgit. Manakala New York Cotton Exchange (NYCE) pula telah memperkenalkan kontrak niaga hadapan mata wang ringgit semenjak lima Disember 1997. Perkembangan di SIMEX dan bursa-bursa niaga hadapan asing lain yang bercadang untuk memperkenalkan produk-produk beransurkan pendasar Malaysia menimbulkan kebimbangan kerana boleh menjejaskan perkembangan bursa-bursa tempatan. Kecairan di pasaran tempatan mungkin terjejas dan pembangunan produk-produk derivatif tempatan yang seterusnya juga akan terjejas.

Di samping itu, pembangunan sedemikian juga boleh menjejaskan objektif untuk menjadikan bursa-bursa tempatan pusat untuk perniagaan produk-produk derivatif

Malaysia. Adalah dicadangkan supaya seksyen 3B yang baru dimasukkan ke dalam Akta FIA 1993 untuk menangani isu tersebut.

Perenggan 3B(1)(b) bertujuan untuk melarang perniagaan kontrak niaga hadapan yang ditentukan dengan mengambil kira turun naik indeks-indeks saham yang terdiri daripada saham Malaysia.

Perenggan 3B(1)(c) dan (d) adalah untuk menghalang duplikasi kontrak-kontrak Niaga hadapan yang diniagakan di bursa-bursa Malaysia.

Perenggan 3B(1)(f) memberikan fleksibiliti kepada Menteri untuk mengarahkan melalui *Warta* bagi melarang kontrak-kontrak niaga hadapan berunsurkan fakta-fakta lain seperti indeks-indeks yang tidak digunakan buat masa ini di bursa-bursa Niaga hadapan tempatan.

Seksyen 3B(3) memberikan pengecualian daripada larangan subseksyen tersebut kepada bursa-bursa niaga hadapan yang sedia ada, pusat-pusat penjelasan dan pasaran-pasaran yang terkecuali seperti yang tertera dalam seksyen 3A FIA 1993.

Seksyen 3B(5) membenarkan menteri untuk mengarahkan bahawa larangan tersebut tidak berkuatkuasa ke atas mana-mana pasaran niaga hadapan atau mana-mana perniagaan hadapan yang berkaitan dengan kontrak-kontrak niaga hadapan yang ditetapkan oleh Menteri dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan bersesuaian.

Subseksyen 3B(6) bertujuan untuk menerangkan bahawa pasaran-pasaran yang sedia ada di luar Malaysia yang telah dispesifikasikan sebagai "Bursa ditentukan" di bawah seksyen 102 FIA 1993 tidak akan terjejas selagi mereka tidak berniaga kontrak-kontrak niaga hadapan yang dimaksudkan dalam subseksyen 3B(1).

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta ini adalah wajar untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan FIA 1993 supaya selaras dengan SIA 1983 kerana peruntukan yang berbeza-beza dalam kedua-dua Akta yang berkenaan boleh menjejaskan minat peserta pasaran dalam bursa niaga hadapan. Di samping itu pindaan ini juga adalah untuk melarang penubuhan sesuatu pasaran niaga hadapan yang berdagang dalam kontrak niaga hadapan berasaskan surat cara yang dinyatakan dalam seksyen baru 3B. Matlamat akhir kepada pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur-pelabur terhadap pasaran saham niaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

10.14 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perindustrian Niaga hadapan ialah antara satu daripada lima rang undang-undang yang ada dikemukakan supaya boleh memulihkan keyakinan pelabur-pelabur kepada bukan sahaja bursa saham tetapi kepada pengurusan ekonomi supaya negara kita boleh dalam masa yang singkat boleh mencapai satu ekonomi, dengan izin, economic turn around dan pemulihan ekonomi. Di atas asas ini sangat mustahak bahawa semua rang undang-undang atau perundangan yang dikemukakan boleh mendapat kepercayaan orang ramai, bukan sahaja cara perundangan ini diluluskan oleh Parlimen dan

cara perundangan ini akan dilaksanakan dan dikuatkuasakan bahawa tidak ada apa-apa bias dan tentulah semua undang-undang akan dilaksanakan tanpa 'fear or favour'.

Dalam Rang Undang-undang ini seperti Rang undang-undang yang diluluskan semalam dan juga Rang Undang-undang yang akan dikemukakan pindaan kepada Akta Syarikat atau peruntukan di mana hukuman yang sangat berat ada diperuntukkan seperti di dalam seksyen 3 bahawa ada peruntukan mengenai sesiapa yang melanggar peruntukan ini akan didenda. Seksyen baru 3B subseksyen (7): "Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan satu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan kedua-duanya". Peruntukan yang sangat berat sepuluh tahun dalam penjara dan apa yang mustahak ialah sama ada semua undang-undang akan dikuatkuasakan dengan adil dan tidak ada apa-apa penganiayaan yang akan dilakukan.

Perkara ini menjadi satu persoalan pokok yang besar hari ini khasnya apabila kita baca dalam suratkhbar mengenai apa yang berlaku semalam. Ini adalah *Berita Harian* mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri, saya tidak mahu sebut mengenai kes-kes, dakwaan-dakwaan kerana ini subjudis dan tentu ada menteri-menteri di sini yang akan mengatakan ini subjudis, saya tidak mahu sebut. Tetapi apa yang dilaporkan ini, mengadu ditumbuk, ditampar "*Dato' Seri Anwar Ibrahim mendakwa beliau dipukul dan dikasari ketika ditahan di lokap Bukit Aman di sini pada malam 20 September lalu. Beliau membuat aduan ini selepas Mahkamah Sesyen di sini mendengar lima tuduhan rasuah dan empat tuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii yang dikenakan ke atasnya hari ini.*"

Saya sebutkan apa yang dia kata, "*Saya kemudian ditampar kiri, kanan dengan kuat hingga keluar darah dari hidung dan pecah bibir saya. Saya dalam keadaan separuh sedar dan lemah. Anggota polis kemudian bantu kesat darah keluar dari hidung dan bibir saya. Sejurus selepas itu saya terus tidak sedar diri hingga pagi esok. Mata saya bengkak dan tidak boleh ditutup dan memberi kesan penglihatan pada mata saya. Bengkak besar sekali, leher saya juga sakit dan akibatnya urat saraf tangan kiri saya menjadi lemah. Saya berjalan terhoyong-hayang beberapa hari sehingga dibantu anggota polis,*" katanya di hadapan Hakim Hasnah Datuk Mohd Hashim. Sambil membuka cermin mata dan menunjukkan kesan lebam pada mata sebelah kirinya, Anwar berkata beliau beberapa kali merayu supaya polis membenarkannya mendapat rawatan tetapi tidak diendahkan sehingga kecederaan menjadi parah. Bagaimanapun, katanya, seorang doktor wanita merawatnya selepas beliau dipindahkan ke bilik tahanan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia beberapa hari kemudian. Dan menurutnya beliau membuat laporan kepada pihak polis tetapi mereka enggan untuk menerima."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Menteri bangun.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Yang Berhormat Tanjong ini, saya hendak tanya adakah baca habis semua surat khabar itu ataupun baca bab itu sahaja?

Tuan Lim Kit Siang: *Berita Harian*, tidak terima *Berita Harian*?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tidak faham Bahasa Melayukah, saya kata Yang Berhormat baca semua surat khabar di muka-muka lain atau baca bab itu sahaja? Soalan saya, saya tidak tanya suratkhbar jenis apa?

Tuan Lim Kit Siang: Semua ini dalam *Berita Harian*, ya, sepenuhnya.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Semuanya, maknanya tempat lain pun Yang Berhormat ada baca?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Kalau Yang Berhormat ada baca saya hendak bertanya ada atau tidak dalam surat khabar itu yang menyebut pihak yang Yang Berhormat namakan tadi diberikan kebenaran untuk mengadu di mahkamah dan jaminan telah dibuat, siasatan akan dibuat dan adakah Yang Berhormat berpendapat apa-apa yang didakwa di mahkamah mesti merupakan perkara yang betul tanpa perlu disiasat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya saya mahu berhenti di sana, oleh kerana tidak disalahkan bahawa saya mahu baca bahagian pertama sahaja. Baik, oleh kerana saya di sini ini terpulang apa laporan yang didapati dalam *Berita Harian*, dan saya percaya Yang Berhormat Menteri tidak ada menyoalkan kewibawaan *Berita Harian*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap Yang Berhormat ada peraturan mesyuarat..

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: 36(1). Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak apa kaitannya masalah yang berlaku di mahkamah kelmarin dengan bill yang sedang dibahaskan ini. Nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong cuba menggunakan forum Dewan Rakyat hendak melepaskan geram. Kita sudah ada sistem dalam negara ini, Tuan Yang di-Pertua, laporan polis telah dibuat, penyiataan telah dibuat, sistem akan berjalan seperti biasa. Kita pun tidak mahu mempertahankan, kalau polis pukul orang, undang-undang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat Tanjong walaupun saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk berucap tetapi sekiranya Yang Berhormat hanya sekadar hendak memberi contoh, biasanya saya izinkan seperti sediakala tetapi Yang Berhormat janganlah buat seperti mana yang saya tegahkan kelmarin. Kalaulah Yang Berhormat ghairah sangat hendak tumpukan kepada kes yang sedang diperbincangkan, saya rasa saya terpaksa menegah sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, saya bangkitkan hal ini bukan oleh kerana mahu membahaskan kes bekas Timbalan Perdana Menteri dikasari, ditampari sungguhpun ini akan menimbulkan soalan kalau seorang bekas Timbalan Perdana Menteri boleh mendapat layanan semacam itu orang ramai mana boleh dapat keadilan tetapi sebagai satu contoh, bagaimana kalau kita hendak meluluskan undang-undang dengan hukuman yang begitu berat sejuta ringgit denda dan 10 tahun penjara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai contohnya, apa itu, penjelasan, nanti-nanti..

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order, 36(1), Tuan Yang di-Pertua. Tadi Tuan Yang di-Pertua sudah membuat ruling sekadar memberi contoh cukup Bila Yang Berhormat dari Tanjong boleh menghukum sendiri, orang lain menghukum sendiri salah tapi sekarang laporan sebelah pihak kita tidak boleh pakai, mesti dengar cerita kedua-dua belah pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, keputusan saya itu cukup jelas. Sekali lagi Yang Berhormat dari Tanjong hendak bangkitkan perkara yang sama tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat takkanlah Timbalan Menteri Kewangan terpaksa hendak jawab soalan yang dibangkitkan bersabit dengan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, saya rasa ini tidak masuk akal, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Saya bangkit ini, saya sudah kata bukan oleh kerana mahu satu perbincangan khas mengenai layanan terhadap Timbalan Perdana Menteri apabila dalam masa ISA ditampari, dikasari tetapi sebagai contoh apabila kita meluluskan undang-undang di mana ada hukuman yang begitu berat RM1 juta dan 10 tahun penjara kita ada tanggungjawab untuk memastikan bahawa undang-undang ini tentulah boleh dapat kepercayaan orang ramai bahawa ia dilaksanakan, dikuatkuasakan dengan adil, sudah tentu oleh kerana perkara ini yang berlaku tentu rakyat tanya bolehkah undang-undang yang diluluskan termasuk Rang Undang-undang di hadapan kita dijalankan dengan adil kalau perkara semacam layanan, kekasaran yang diterima oleh bekas Timbalan Perdana Menteri boleh berlaku, bagaimana? tentulah Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar kata ya, pihak polis akan siasat tetapi apa guna pihak Polis siasat kalau ini berlaku dalam custody pihak polis. Ini timbul masalah dan saya harap bahawa kita tidak mahu sampai satu tahap di mana kita luluskan apa-apa undang-undang untuk mengawal ekonomi, untuk..

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ketua Pembangkang ini, nampaknya dia macam sudah hilang akal langsung, kenapa jadi macam itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri, point of order ke berapa?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: 36(1). Kalau dia sebut hendak beri contoh, contoh mestilah relevan. Ini bukan sahaja contoh tidak relevan, dia sudah menghukum dalam Dewan ini bahawasanya polis salah. Biarlah dahulu penyiasatan berjalan tetapi lebih penting yang ini tidak ada kena mengena dengan benda yang sedang dibincangkan. Jangan ambil advantage.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya sudah katakan tadi, Tanjong, saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk balik kepada tajuk, kalau tidak saya terpaksa memberhentikan

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya, bolehkah satu soalan dikemukakan apabila kita bahaskan undang-undang ini dan khusus mengenai Rang Undang-undang ini sama ada, bolehkah seorang Ahli Parlimen berdiri di sini apabila perbincangan ini bertanya bagaimana kita boleh menentukan bahawa tidak ada seseorang yang akan dianiayai di bawah pindaan ini supaya beliau tidak mendapat layanan semacam bekas Timbalan Perdana Menteri. Ini direct mengenai Rang Undang-undang ini, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekiranya sekarang ini kita berada dalam perbincangan budget...

Seorang Ahli: Dia sudah silap!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: ... memang Yang Berhormat boleh cakap apa sahaja

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ini direct, ini direct mengenai ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: ... dan lagi pun Yang Berhormat, takkanlah Yang Berhormat silap, ini untuk Kementerian Kewangan dan bukan tempat perbincangannya di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, sungguhpun begitu

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Boleh saya jawab Yang Berhormat. Oleh kerana ada persoalan dan Yang Berhormat bertanya, setakat tanya boleh, tetapi jangan

bincangkan secara terperinci berkenaan perkara-perkara yang tidak langsung berkaitan dengan perindustrian niaga hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri contoh.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu habis sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Contoh, kenapa begitu takut mengenai contoh?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Contohnya, jangan putar belit!

Tuan Lim Kit Siang: Guilty conciouskah?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini putar belit, tak bagus. Yang Berhormat, bercakap berkenaan keadilan, biar kita tengok keadilan dari segi Rang Undang-undang ini sahaja, kalau hendak tanya soalan boleh kita jawab, tetapi sekiranya Yang Berhormat bercakap Rang Undang-undang yang tidak ada kena mengena, itu adalah salah. Terkeluar 36(1)..

Tuan Lim Kit Siang: Okay, saya boleh jelaskan. Kalau tidak ada peristiwa ini, peristiwa di mana bekas Timbalan Perdana Menteri boleh dikasari, boleh ditampari, tentu saya tidak akan tanya perkara ini.

Seorang ahli: Tanjong sudah gila!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya rasa janganlah Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang : Saya jawab, Yang Berhormat Menteri tidak mahu memberi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Janganlah sengaja hendak menyimpang daripada apa yang saya putuskan tadi. Itu cukup jelas. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak hendak menyambung ucapan Yang Berhormat dalam konteks Rang Undang-undang ini saya terpaksa menghentikan ...

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya teruskan, saya teruskan. Oleh kerana bukan sahaja di bawah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Betul

Tuan Lim Kit Siang: Inilah di bawah jurisdiction Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, bukan dalam jurisdiction Menteri Dalam Negeri, tetapi apa-apa Rang Undang-undang yang kita luluskan di mana ada kesalahan-kesalahan di mana hukuman yang berat akhirnya, kita pun Ahli Parlimen, apabila kita meluluskan undang-undang ini, kita bertanggungjawab. Kita tidak boleh kata: 'Oh! sungguhpun kita luluskan Rang Undang-undang ini sama ada ada penyalahgunaan kuasa, sama ada orang yang apabila dikasari polis, ditampari dan dipukul, itu bukan tanggungjawab kita. Dia tak mahu tahu. Bolehkah kita ambil sikap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya kena menegah Yang Berhormat berucap selanjutnya sebab apa Yang Berhormat sarankan itu, itu cukup Yang Berhormat. Sebab perkara yang besar, perkara yang pokok, saya tidak menegah Yang Berhormat daripada membentangkannya, tetapi ikutlah saluran dan peraturan mesyuarat yang betul. Ini tidak, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat apa yang nak cakap itu semuanya soal

Seorang Ahli: Dia perlukan rawatan otaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tak payahlah kita pakai peraturan mesyuarat. Ini cukuplah...

Tuan Lim Kit Siang: Ini sebagai contoh yang berbangkit..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat Tanjong sebab kata dua telah pun diberi, peluang telah pun diberi

Tuan Lim Kit Siang: Inilah keadilan di Malaysia....malulah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Power in your hand.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong, nak berucap.

10.35 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang ini kerana ini merupakan satu Rang Undang-undang yang juga sangat penting mengenai Akta Perindustrian Niaga Hadapan dan hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak semalam itu memang merangkumi beberapa aspek dengan tujuan untuk memperbaiki keadaan di niaga hadapan, tetapi kalau kita hendak adakan niaga hadapan yang baik maka kredibiliti, keyakinan, kepercayaan mesti diwujudkan walaupun Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sangat prihatin kepada apa yang kita ucap di sini kerana dia takut kita menyimpang. Saya ikut peraturan di sini, ikut peraturan dan walaupun Peringat sekarang menjadi, saya ingat Yan sahaja jadi batu api, tetapi Peringat sekarang jadi batu api yang utama di dalam Dewan yang mulia ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw:dibantu oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, selagi Yang Berhormat ikut tertib, takkanlah ada apa-apa. Yang Berhormat teruskan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta tarik balik sangkaan jahat, saya pagi ini cukup baik, Tuan Yang di-Pertua, dia kacau saya ini, kalau sakit boleh, malu boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tak kacau langsung sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cukuplah, balik kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, baik. Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang penting untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan sebelum ini ekor dari apa yang dibangkitkan oleh Kota Tinggi, sekarang sangat lantang bukan main. Kota Tinggi sekarang dia memang lantang, lantang untuk menentang bekas Timbalan Perdana Menteri

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu tidak ada kena mengena dan saya rasa tak elok. Salah, tidak mengikut peraturan.

Dr. Tan Seng Giaw: Peringat pun begitu juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi saya tidak pernah dengar dia ucap dengan substantial mengenai niaga hadapan termasuk Peringat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu bukan tanggungjawab Yang Berhormat. Kalaulah ada sesiapa yang cakap ini terpesong, bukan kerja Yang Berhormat.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Barisan Nasional dan DAP. DAP dia redah, dia tidak kira, kita bercakap biar kena pada tempat, buat apa Peringat hendak cakap soal itu. Takkan kita ikut DAP. Walau bagaimanapun tahniah, baik sedikit daripada Ketua Pembangkang. Ha.. keep it up. Tetapi setiap kali Yang Berhormat cakap, saya hairan, Ketua Pembangkang keluar, dia tak sanggup tengok Yang Berhormat bercakap dalam Dewan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu batu api, memang batu api. Yan sekarang kalah dengan dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. sebenarnya DAP yang baik dua orang sahaja, Kepong dengan tamba kita, Teluk Intan. Hak tu kedua baik, hak lain teruk, Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yan, Peringat dan Kota Tinggi, baik kita menumpu perhatian kepada Rang Undang-undang. [Ketawa] Macam mana buang masa kita, niaga hadapan, perkara yang pertama untuk niaga hadapan ialah keyakinan, tiada lain, keyakinan dan Pasir Salak pun dia tak percaya kepada keyakinan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lanjutkan ucapan saya, cuma saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini keadaan niaga hadapan negara ini. Sebab di dalam hujahnya semalam itu saya tidak dengar dia kata, apakah kejayaan dan kelemahan ataupun kegagalan di dalam perindustrian niaga hadapan di negara ini. Sebab kita nampak walaupun kita terlampau muda dalam industri ini tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu, perindustrian ini tidak begitu maju di negara ini. Terdapat beberapa kelemahan yang wujud dan saya nampak daripada pindaan-pindaan ini memang ada usaha untuk memperkembangkan undang-undang bagi menjalankan perindustrian niaga hadapan dengan lebih baik.

Saya ada beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah bangkitkan mengenai auditan dalaman untuk Suruhanjaya Sekuriti dan bagi saya, untuk perindustrian niaga hadapan, memang kita menumpu perhatian kepada pengauditan dalaman dan juga luaran, kerana di dalam niaga hadapan ini memang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the fundamental panel of the financial reporting, the risk reward trade off, ini memang penting. Sebab bagi saya dengan perniagaan derivative ini memang sangat rumit, sangat canggih, sangat sofistikated sehingga Peringat pun tidak mengambil bahagian. [Ketawa] Walaupun kita memberi peringatan kepada dia, tetapi Peringat dia tidak jadi ingat.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Fasal Yang Berhormat terus bincang fasal perniagaan hadapan, tak bincang perniagaan belakang, okay. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Memang sebagai seorang kawan Yang Berhormat Peringat pun tahu, jangan kita lakukan kekerasan ke atas, memang seperti bekas Timbalan Perdana Menteri, jangan kita lakukan kekerasan. Bagilah peluang untuk membela diri.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Machang, bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Machang macam mana sekarang ini, bau bacang. Musim bacangkah?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penjelasan, Yang Berhormat. Nampaknya seolah-olah Yang Berhormat sekarang sudah menghukum. Tadi Yang Berhormat daripada Peringat sudah bangkitkan kepada Yang Berhormat dari Tanjong. Jangan ambil peraturan undang-undang dalam tangan. Membaca laporan akhbar sudah menghukum bahawa polis salah. Kita pun hendak tegaskan bahawa kita tidak sokong kalau cerita itu benar berlaku, kita tidak sokong polis, buat kerja macam itu. Tetapi biarlah proses undang-undang berjalan. Jangan baca laporan akhbar dan telah memutuskan bahawa pihak polis bersalah. Itu namanya ambil undang-undang keadilan dalam tangan sendiri. Kita ada peraturan dalam negeri ini, bukan?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang saya ambil di dalam tangan saya itu kertas rang undang-undang [Disampuk]. Saya tidak ambil undang-undang di dalam tangan saya sendiri, cuma kertas rang undang-undang. Jadi salah tafsir. Yang Berhormat, salah tafsir daripada Machang.

Seorang Ahli: Putar belit.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tak ada standard?.

Seorang Ahli: Putar belit.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah itu fahaman Yang Berhormat Machang mengenai 'risk reward trade off' di dalam derivative trading. Macam mana tak ada standard. Kita sedang membincangkan masalah derivatif, kita sedang memperdebatkan mengenai komoditi niaga hadapan. Dia kata tidak ada standard, macam mana standard dah? Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan masalah fundamental panel of the financial regarding 'risk reward trade off' kerana saya nampak di dalam pindaan ini tidak ada. Cuma setakat hendak hukum orang, sudah penalti yang tinggi dan sebagainya. Memang kita perlukan penalti sehingga RM1 juta, 10 tahun penjara tetapi di sebelah aspek yang lain kita perlukan satu standard yang tinggi untuk control ke atas laporan-laporan mengenai risiko mengenai interu, setakat mana laporan ini adalah benar. Ini memang satu perkara yang sangat penting kerana di dalam arbitrate activities kerana bila kita sebutkan masalah niaga hadapan, kita sebutkan arbitrate activities. Ini bermakna mereka menggunakan peluang untuk meraih keuntungan daripada semasa ke semasa, daripada itu niaga derivatif ini dan arbitrate activities ini memang boleh menimbulkan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun ingat, ingat tak dua, tiga tahun yang lepas mengenai Barings Futures Singapore Private Limited yang dihancurkan oleh seorang penipu, Nick Leeson yang membuat kegiatan-kegiatan perniagaan yang tidak betul dan ini Peringat pun tidak mengambil perhatian. Saya ingat tak pernah dia sebutkan mengenai Nick Leeson, penjahat di dalam perniagaan. [Ketawa]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: [Bangun]

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: [Bangun]

Seorang Ahli: Kepong pun jahat!

Dr. Tan Seng Giaw: Begitu juga 'kotak tinggi.'

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: [Bangun]

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, Kepong ini dekat-dekat hendak jadi Mr. Bean. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Nick Leeson memang seorang penipu di dalam niaga hadapan, yang membuat perniagaan secara tidak sah, tidak ikut

cara-cara yang betul. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan di sini termasuk penalti, saya mencadangkan supaya credit control, mekanisme untuk credit control mesilah diperketatkan di dalam perindustrian niaga hadapan ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, standard laporan untuk kegiatan perniagaan hadapan ini memang tidak begitu tinggi bagi saya. Mungkin kerana kita baru sahaja bermula dengan perindustrian ini dan di dalam credit control ini, memang kita menumpukan perhatian kepada kredit checks terhadap itu klien-klien dan juga credit issues yang bangkit daripada situasi ini. Dari semasa ke semasa memang credit control ini memang memainkan peranan yang begitu penting kerana di dalam perniagaan dan perindustrian yang canggih ini.

Saya bangkitkan credit control ini kerana saya tidak nampak sangat daripada kenyataan Kementerian Kewangan, memang mereka tidak begitu spesifik mengenai begitu mustahaknya credit control. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah yang paling besar yang membolehkan penjahat seperti Nick Leeson ini melakukan jenayah ini ialah kerana jabatan sesuatu bank atau sesuatu syarikat niaga hadapan, front office, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan back office, adalah controlnya tidak begitu ketat. Kerana tidak ada control ke atas front office dan back office, mereka tidak tahu apa sebenarnya berlaku dengan kegiatan Nick Leeson hingga dia boleh menipu bank itu dengan akibat yang begitu padah.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, the most important control over the role of the front and back offices rested in the way the trade are reported settle and funded. Saya hendak tanya di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementeriannya mengadakan langkah-langkah untuk memastikan kawalan ke atas jabatan depan, jabatan belakang ini ketat supaya tidak akan berlakunya kegiatan-kegiatan yang haram, yang tidak mengikut itu peraturan yang ditetapkan. Di setiap syarikat niaga hadapan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa, dengan izin, Yang di-Pertua settlement dan group treasuries dan in reconciling and understanding funding request. Memang dia sekarang nampaknya dia tidak begitu seronok dengan apa yang saya bangkitkan di sini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri memang dia sibuk dengan perkara yang lain, dia tidak menumpukan perhatian kepada begitu pentingnya untuk settlement dan group treasuries.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perindustrian niaga hadapan dengan derivative trading memang ada peniaga-peniaga, ada setengah-setengahnya hanya berkecimpung dalam bidang ini kerana dia hendak mendapat keuntungan yang tinggi, high profit level. Dengan niat begitu kadangkala langkah-langkah yang diambil, kegiatan-kegiatan yang diambil itu tidak begitu realistik. Dengan tidak begitu realistik, maka dari semasa ke semasa kita nampak ada masalah yang timbul dan kerana itu saya berpendapat pihak kementerian memang mesti memastikan kakitangan dan juga orang-orang yang terlibat dengan niaga hadapan itu mempunyai pengetahuan yang cukup (detail knowledge), sekarang dia setuju dah sekarang. Tadi dia tak setuju. Detail knowledge of a technical aspect of his trading activities – walaupun kuota tinggi tetapi pengetahuan itu mesti tinggi juga.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ini saya fikir Tuan Yang di-Pertua, dia buat implikasi ke atas orang punya sikap, orang punya pandangan kerana dia tidak ada apa hendak dicakapkan, dia duduk merepek saja dekat situ. Dan saya tengok berkenaan Akta Perindustrian Niaga Hadapan ini pun dia bercakap mengenai perkara administratif yang tak bersangkutan paut berkenaan kawalan yang dihendaki di bawah akta ini. Ini yang susah, terkepong pemikiran dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal nak kawal apa Kota Tinggi. Kawalan, penalti dan denda ini nak kawal apa, Yang Berhormat Padang Terap bagi taklimat sedikit kepada Kota Tinggi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tunggu untuk menggulung tetapi dia sudah menyimpang jauh. Dia sebut mengenai Nick Leeson tadi, bukan Nik Kelantan, Nick Leeson, saya fikir dia salah butirannya. Masalah Nick Leeson ialah ketiadaan kontrol di dalam jabatan hadapan dan belakang syarikat Barings, tak kena mengena dengan masalah kontrol oleh badan supervisory yang ada di Singapura. Pada hakikatnya pihak supervisory authority yang ada di Singapura itu mendapat tahu apa yang dilakukan oleh Nick Leeson merupakan kontrol yang baik yang dijalankan oleh supervisory authority. Ini adalah masalah Barings itu sendiri. Jadi saya nak perbetulkan Yang Berhormat apa Yang Berhormat kata tadi. Dia baca buku pun dia tak faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Padang Terap memang tak faham apa yang saya sebutkan tadi. Saya cakap ini mengenai kawalan aktiviti-aktiviti niaga hadapan macam mana kita kawal dan saya bagi satu contoh mengenai Barings di mana ada kesilapan. Walaupun tanggungjawab itu diletakkan di tangan Barings sendiri tetapi pihak berkuasa kawalan itu mesti mengambil perhatian mengapa boleh berlaku di Barings perkara seumpama ini. Yang kedua, saya sebutkan tadi supaya bagi taklimat kepada Kota Tinggi supaya pengetahuan itu lebih tinggi daripada sekarang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak taklimat kepada Kota Tinggi mengatakan Kepong ini dia selalu melencong kerana masalah itu ialah masalah syarikat. Dia tidak mencerminkan masalah supervisory authority di Singapura, masalah syarikat yang mana pegawai-pegawai yang mengawasi Nick Leeson daripada Singapura ke London tidak mengetahui mengenai dengan industri derivative secara detail Yang Berhormat minta tadi. Tetapi persoalannya authority-authority yang mengawal hal ini tidak ada masalah, bukan salah undang-undang, salah pentadbiran syarikat Barings itu. Bukan salah undang-undang yang ada di Singapura ataupun di London, tak faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tak setuju dengan 100% apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Terap tadi, sebahagian itu saya boleh terima. Memang syarikat itu salah, memang bank itu tak betul kerana kawalan tak ketat, kerana ada kesilapan sedikit, kerana memang ada kongkalikung di dalam bank itu sehingga berlaku perkara seperti ini. Tetapi supervisory authority mesti mengambil tahu dan memberi amaran yang lebih awal, walaupun amaran telah diberi oleh pihak supervisory authority di Singapura tetapi tak cukup. Kota Tinggi ini memang bising sangat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah dengan pihak supervisory authority Singapura tidak berbangkit kerana masalah ini berbangkit apabila Barings itu hendak runtuh dan dibuat laporan. Yang Berhormat jangan mengharapkan supervisory authority macam AC mempunyai kuasa tuhan, dia tak tahu apa yang berlaku di dalam tiap-tiap syarikat, melainkan syarikat itu sendiri melanggar undang-undang yang telah diinstitusikan. Itu sahaja. Yang Berhormat mengharapkan kerajaan mengetahui semua apa yang dilakukan oleh institusi yang di bawah undang-undang yang diadakannya. Ini tidak mungkin.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkitkan masalah ini, bolehkah Yang Berhormat terima bahawa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, as an authorised institution sama ada bank ataupun syarikat niaga hadapan yang lain under the law of this land dengan Rang Undang-undang yang dibangkitkan di sini banyak Rang Undang-undang di sini ada 5.

Dengan Rang Undang-undang ini bukankah institusi seperti ini diperlukan mengemukakan laporan returns mengikut undang-undang dan bukankah laporan ini dihantar kepada pihak berkuasa? Dengan sedemikian apakah maksud institusi ini mesti mengemukakan laporan regulatory reporting kepada authority, kemudian apakah peranan pihak berkuasa ini, duduk diam sajakah?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya nak tanya Yang Berhormat balik, Tuan Yang di-Pertua, adakah perlakuan serong Nick Leeson ini berlaku atau didapati sebelum atau selepas laporan itu dibuat? Saya nak tanya balik kalau Yang Berhormat baca bukunya. Dia buat selepas atau sebelum laporan dibuat? Yang Berhormat mengakui tahu sangat tentang kes ini.

[Timbalan Yang di-Pertua, (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang faham, saya memang faham seperti Kota Tinggi bising sangat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri kerana nak bidas dia sekeras-keras, bising sangat dengan Lee Kuan Yew kerana Lee Kuan Yew menyinggungnya dan sebagainya. Itu masalah dia.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu tidak ada kena mengena soal ini. Saya nak tahu dengan Yang Berhormat sama ada dia adalah sambungan kepada PAP atau dia membawa perkara-perkara yang melibatkan pencemaran nama baik negara kita, dia tak patut sebut. Saya nak beritahu Yang Berhormat ini, saya fikir dia susah sedikit oleh kerana apa pun Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap, saya fikir dia sudah buat keputusan, dia tidak akan bersetuju dan dia ingat dia lebih tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan tak baik daripada Kota Tinggi, saya terima sebahagian, bukan 100%. Seperti mana dengan memo Lee Kuan Yew, saya bersimpati dengan Kota Tinggi. Kalau saya jadi seperti Yang Berhormat dari Kota Tinggi pun saya berlagak seumpama itu. Sekarang dia terima penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Nick Leeson memang dia ada terlibat dengan masalah dalam satu tempoh lebih daripada satu tahun dan regulatory reporting sudahpun dihantar dari masa ke semasa. Memang pihak berkuasa Singapura sudah tahu sedikit sebanyak mengenai kegiatan yang tidak begitu betul. Cuma saya setuju Barings Bank tidak mengambil tindakan dengan cepat. Itulah yang menyebabkan Bank itu dihancurkan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya bangkitkan masalah kawalan kewangan ini kerana dalam niaga hadapan dengan risiko yang tinggi dan high profit level, ini memang mewujudkan masalah perniagaan, akibat perniagaan yang tidak begitu realistik.

Dan selain daripada kita memerlukan pakar-pakar di dalam niaga hadapan ini dan kakitangan pihak berkuasa memang sentiasa prihatin kepada aktiviti-aktiviti ini. Saya berpendapat bahawa regulatory reporting adalah amat penting. Regulatory reporting bagi saya merupakan sesuatu bahagian pri mustahak untuk finance to control dan di dalam control ini kita mesti memastikan semua laporan adalah tepat, adalah benar dan dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa mengikut undang-undang yang telah kita luluskan di Dewan yang mulia ini.

Dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mekanisma yang diadakan sekarang untuk memastikan semua laporan adalah benar dan tepat seperti laporan mengenai pinjaman-pinjaman, laporan mengenai margin kerana apabila kita sebutkan niaga hadapan kita memang sebutkan margin dan juga laporan mengenai pendedahan yang besar 'large exposure reporting'.

Dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya berpendapat yang ada sekarang, di dalam kementerian dan di dalam kawalan ke atas niaga hadapan bagi saya tidak mencukupi. Sama ada bagi pengauditan dalaman dan luaran bahkan juga pengesanan untuk kegiatan-kegiatan yang tidak betul, bagi saya tidak begitu ketara. Bagaimana pihak kementerian dapat mengesan kegiatan-kegiatan yang tidak betul ini dan saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu bahagian untuk regulatory

reporting untuk mengesan laporan yang tidak betul dan kegiatan yang tidak mengikut undang-undang. Sekian, terima kasih.

11.02 pagi.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini. Saya ingin menghadkan hujah-hujah saya kepada cadangan yang terkandung di seksyen 52(c), terutamanya yang dikatakan sebagai wang atau harta klien. Ertinya apa-apa wang atau harta yang diterima atau disimpan oleh seseorang pengurus. Di sini saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapakah wang-wang yang telah dikirimkan atau telah disimpan dengan broker-broker yang tidak sampai dengan mereka. Oleh kerana saya difahamkan, ada situasi di mana wang future kontrak ini telah diberi, akan tetapi tidak dikreditkan di akaun-akaun yang sedia ada. Dan adakah perubahan yang sedang dibawa sekarang ini akan membawa perubahan supaya ada check and balance dalam hal ini.

Dan jikalau wang-wang yang dihantar atau dikreditkan ke dalam wang atau harta klien, jika tidak disampaikan apakah-hak-hak mereka yang telah menghantarkan wang tersebut. Adakah dalam Rang Undang-undang ini saya tidak nampak apa-apa yang menunjukkan ada insurans yang akan mengendalikan perkara ini di mana jika pembayaran dibuat oleh sesiapa dan wang itu tidak di sampaikan atau telah hilang atau disalahgunakan oleh broker-broker. Adakah ia akan dibayar oleh syarikat tersebut atau pihak yang telah menghilangkan wang tersebut terpaksa pergi ke mahkamah untuk menuntut balik wang-wang tersebut.

Selain dari itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai seksyen 3B(F) iaitu di mana yang dibacakan seperti ini:

"Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali."

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bila sesuatu tindakan kesalahan berlaku, perkara ini akan disiasat oleh pihak polis. Yang menjadi susah diterima oleh orang ramai di Malaysia hari ini, adalah apabila mereka ditangkap dan disimpan di lokap beberapa kejadian yang tidak diingini telah terjadi hingga hari ini Timbalan Perdana Menteri yang sebelum ini dikatakan telah dipukul. Jadi dalam hal ini saya juga ingin tahu adakah di mana beberapa seksyen-seksyen yang telah ada di Rang Undang-undang ini supaya bolehkah perjanjian diberi bahawa di mana siasatan dilakukan mereka tidak akan dipaksa mengaku kepada kesalahan-kesalahan.

Seperti di mana dua orang sebelum ini, Dr. Munawar, dan Sukma Darmawan yang telah mengatakan mengaku tetapi semalam mereka telah merayu kepada Mahkamah Tinggi dan di antara rayuan adalah conviction and sentence dengan izin. Menunjukkan bahawa pihak-pihak yang menjalankan siasatan telah memaksa mereka mengaku. Jadi dalam hal ini di seksyen 7 juga menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan boleh didenda atau dipenjarakan selama 10 tahun. Walaupun kita ada sistem di mana mahkamah dan sebagainya tetapi apa yang menjadi masalah adalah di mana seseorang itu yang menyiasat kes itu menyalahgunakan undang-undang yang ada. Jadi apakah proses di mana ada transparent di mana kita dapat tahu bahawa mereka tidak akan dipaksa mengaku salah dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

11.08 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 3 orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap iaitu Tanjong, Kepong dan Teluk Intan. Terutama sekali saya ingin menyatakan pada Dewan ini, tujuan pindaan undang-undang ini dibuat ialah untuk yang pertama sekali adalah untuk memudahkan rejim perlesenan. Iaitu kita menyelaraskan rejim-rejim pelesenan di bawah dua akta iaitu akta FIA 1983 dan SIA 1993. Jadi kita menyelaraskan ini untuk memudahkan pentadbiran di dalam usaha-usaha mengembangkan dan membangunkan pasaran derivative kita. Dan Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pasaran derivative Malaysia adalah masih lagi di dalam dengan izin infancy stage tetapi banyak kemajuan telah dicapainya walaupun dalam masa kegawatan ekonomi yang kita rasai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kita yang kedua ataupun objektif kita yang kedua di dalam pindaan Rang Undang-undang ini ialah untuk melarang penubuhan mana-mana pasaran niaga hadapan yang menggunakan pendasar Malaysia seperti KLCI, seperti interest rate di Malaysia dan lain-lain lagi. Jadi kita hendak melarang kerana selari dengan tiga rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat ini ialah kita hendak menjaga pasaran modal kita daripada dimanipulasi, daripada menjadi victim ataupun korban kepada spekulasi mata wang yang dijalankan sekarang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang saya setuju jika kita mesti ada kawalan ke atas aktiviti-aktiviti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai pengaliran keluar wang kita dan sebagainya tetapi setakat jawapan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa perindustrian 'infancy stage', itu bukan satu jawapan. Saya hendak tahu apakah keadaan kedudukan perindustrian niaga hadapan, misalnya dengan secara kasarlah berapa syarikat yang terlibat, volume trading dan sebagainya, di mana kelemahan dan sebagainya secara kasar dan bukan dengan secara terperinci?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya boleh bagi kepada Yang Berhormat secara terperinci, misalnya apabila KLOFFE ditubuhkan dahulu, purata perdagangannya adalah di antara 150 hingga 230 kontrak sehari tetapi sekarang, angka yang diberi untuk bulan Ogos tahun ini ialah 4,646 kontrak sehari ataupun 92,927 kontrak sebulan. Ini merupakan satu kemajuan yang menggalakkan walaupun berlaku kegawatan ekonomi dan Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pasaran derivative ini selalu digunakan untuk membuat hedging, membuat arbitrate, Yang Berhormat sebutkan tadi ini untuk memastikan bahawa pelaburan-pelaburan (investments) yang ada itu diimbangkan dan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu untuk menguruskan risiko-risiko yang tertentu di dalam pelaburan di bawah pasaran modal negara.

Yang Berhormat dari Kepong, oleh sebab dia bercakap cukup panjang mengenai kredibiliti dan lain-lain lagi, audit dalam seperti yang disebutkannya ini adalah satu perkara yang bagus kerana beliau prihatin tentang kredibiliti dan kekuatan pengurusan dan juga kekuatan kawal selia oleh badan-badan yang sedia ada seperti Securities Commission dan lain-lain lagi. Yang Berhormat membangkitkan masalah adakah terdapatnya langkah-langkah yang cukup bagi mengamalkan peniaga seperti Nick Leeson. Saya telah jawab Yang Berhormat, dalam dialog kita tadi ini, bahawa masalah Nick Leeson adalah berlaku di dalam syarikatnya itu sendiri tetapi pada hakikatnya pihak Supervisory Authorities, dengan izin, dapat menangkapnya, itu adalah satu perkara yang baik walaupun derivative industry ini adalah satu perkara yang baru di dunia sebelah sini.

Jadi di sini ingin saya menyatakan bahawa pasaran niaga hadapan di Malaysia bermula selepas incident Barings, iaitu kita mempunyai masa untuk meneliti apa yang berlaku di dalam incident Barings itu tadi, jadi kita dapat mempelajarinya. Futures

Industry Act (FIA) telah dipinda sejurus selepas incident Barings kita pinda permulaan itu, FIA dan peraturannya mempunyai peruntukan yang ketat mengenai laporan oleh broker niaga hadapan seperti mana yang Yang Berhormat minta tadi. Contohnya bahagian Internal Audit, FIA memastikan bahawa control yang ketat diwujudkan di dalam pentadbiran ataupun pengurusan mana-mana syarikat yang berkenaan. Pihak berkuasa iaitu Securities Commission dan pihak-pihak berkuasa lain seperti kementerian juga menghendaki pegawai pematuhan di semua broker niaga saham ataupun niaga hadapan, mesti ada pegawai pematuhan, pegawai yang memastikan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang itu diadakan. Mesti tiap-tiap syarikat itu mengadakannya dan pegawai pematuhan haruslah seorang yang senior bagi mengawasi supaya perkara-perkara yang ditentukan itu dipatuhi dan mempunyai authority untuk mengarahkan pegawai-pegawai di bawahnya. Audit secara regular ataupun selalu diaudit juga dikehendaki dijalankan oleh semua broker dan pihak berkuasa juga menjalankan audit ke atas mereka dari masa ke semasa seperti Suruhanjaya Sekuriti menjalankan audit dari masa ke semasa mengikut kaedah-kaedah yang tertentu.

Yang Berhormat juga menekankan keperluan kepakaran teknikal di dalam peserta baik di dalam syarikat mahupun di dalam badan-badan yang mengawal selia. Ini saya menyambut baik kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum bahawa derivative industry ini. Pertama, ianya perkara baru dan keduanya ia adalah rumit dari segi teknikalnya. Tidak ramai orang yang dapat menguasai kaedah-kaedahnya melainkan kita menggunakan masa yang banyak untuk mempelajarinya. Saya mengaku, saya sendiri pun tidak memahami keseluruhan derivative industry ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kepong, pihak Suruhanjaya Sekuriti dengan syarikat bursa mengadakan prosedur kelulusan yang ketat sebelum seseorang boleh menyertai pasaran niaga hadapan iaitu keperluan pelesenan dan juga keperluan mereka lulus ujian yang dikendalikan oleh pihak Securities Commission. Jadi bukan dia dengan izin, 'Dick Tom and Harry' boleh masuk, mesti ada melalui ujian yang ketat untuk mengambil bahagian di dalamnya.

Dalam hal pengawalan, pejabat belakang iaitu Yang Berhormat sebut tadi 'back office' dengan 'front office', syarikat broker saham rumah penjelasan (NDCH) dan syarikat bursa akan mengadakan audit tahunan syarikat broker itu sendiri. Tambahan pula Securities Commission boleh membuat audit mengejut iaitu secara rambang dan tidak diberi notis, pihak Securities Commission boleh membuat pemeriksaan tertentu mengenai dengan audit itu.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan mengenai mengapa industri niaga hadapan seperti tidak membangun secara substantial sejak penubuhannya. Sebenarnya saya sudah jawab tadi, kalau dalam masa kegawatan ini pun kita telah menunjukkan penjualan kontrak 4,646 sehari adalah merupakan satu perkara yang sangat menggalakkan. Kita harap apabila keadaan pasaran modal kita distabilkan dengan adanya usaha-usaha yang dibuat oleh KLSE dan juga SC, usaha pentadbiran disokong dengan akta-akta yang Yang Berhormat luluskan 4 akta itu, saya pasti ianya akan memberi satu climate ataupun satu environment yang lebih kuat untuk memastikan apa yang kita kehendaki, ideal-ideal yang kita kehendaki dalam perkembangan pasaran niaga hadapan kita.

Yang Berhormat juga bangkitkan mengenai pengesanan tindakan-tindakan yang tidak mengikut undang-undang dan laporan yang tidak betul dan Yang Berhormat mengesyorkan supaya kementerian mengadakan bahagian untuk mengumpul dan memproses laporan-laporan yang ada itu. Ini saya menyambut baik dan seperti mana yang sedia maklum, Yang Berhormat baca di dalam Akta ini menurut seksyen 84 dan 87 – seseorang yang memberi laporan dan kenyataan palsu adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda RM3 juta atau 10 tahun penjara. Ini adalah satu perkara yang penting kerana Securities Commission sudah mempunyai bahagian yang memeriksa dan mengumpulkan

laporan dan maklumat berkenaan orang-orang yang dilesenkan iaitu kalau dia bagi laporan palsu macam di dalam akta-akta yang kita bahaskan semalam, satu perkara yang ditekankan untuk mendenda ialah satu perkara yang penting iaitu memberi laporan palsu ataupun mendustakan laporan-laporan yang penting untuk kita membuat kawal selia.

Oleh itu, saya fikir untuk menyelamatkan wang kerajaan, tidak perlulah Kementerian saya adakan satu lagi unit kerana ianya akan bertindih dengan apa yang telah wujud di Securities Commission sedangkan Securities Commission adalah di bawah Kementerian Kewangan juga. Jadi telah ada sudah unit ini untuk memastikan tidak ada

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya tidak habis lagi ayat, Tuan Yang di-Pertua, bagilah habis dulu. Untuk memastikan apa yang diminta oleh Yang Berhormat tadi dipenuhi, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, bolehkah Yang Berhormat jelaskan lagi apakah bahagian di dalam Securities Commission ini, bilangan pakar di dalamnya, dan apakah sebenar tugasnya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tugasnya ialah mengumpulkan laporan dan maklumat berkenaan orang-orang yang dilesenkan, jikalau saya dilesenkan, maklumat mengenai diri saya, latar belakang saya, berapa banyak saya hutang, adakah saya di bawah bankrapsi, dan lain-lain lagi dikumpul dan ini digunakan sebagai bantuan untuk memastikan bahawa credibility saya sebagai peniaga itu wujud. Jadi, mengenai dengan berapa orang yang pakar saya tidak tahulah, Yang Berhormat tidak perlu tahu yang itu, sebab pihak pengurusan SC pasti tahu apakah bilangan yang perlu ada untuk memastikan bahawa unit itu efisien. Jadi Yang Berhormat tidak perlu tahu, dan tidak perlu saya jawab di luar Dewan.

Yang Berhormat dari Teluk Intan membangkitkan soal mengenai dengan bagaimana memastikan iaitu kenyataan yang diambil daripada pesalah adalah secara voluntary. Jadi ingin saya nyatakan di sini di bawah seksyen 92(3) Futures Industry Act seorang pegawai penyiasat dimestikan membaca kembali kepada pesalah kenyataan yang telah dibuat dan memberi peluang kepadanya membuat pembetulan mengenai kenyataan itu, tambahan lagi seseorang dibolehkan mendapatkan peguam semasa kenyataan dibuat tertakluk kepada syarat bahawa peguam tidak campur tangan di dalam penyiasatan. Di sini, peruntukan-peruntukan diberi untuk keadilan dijalankan - ada, dan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan juga membangkitkan soalan adakah terdapat peruntukan yang melindungi wang klien.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Futures Industry Act ianya menghendaki broker niaga mendepositkan semua wang klien di dalam clients segregated account iaitu akaun khas. Penalti yang berat dikenakan bagi kesalahan tidak mematuhi iaitu di bawah seksyen 52A terdapat juga kehendak FIA memerlukan sumbangan compensation fund dibuat dan fund ini, ataupun dana ini terbuka kepada klien yang layak iaitu di bawah Bahagian 6, FIA dan kehendak ini diawasi setiap masa oleh Securities Commission dan pusat penjelasan yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan beberapa persoalan mengenai dengan penjelasan seksyen 3B iaitu mengenai kesalahan di bawah seksyen tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa satu daripada fakta yang merosakkan ekonomi

sesebuah negara ialah apa yang dipanggil economic crime, seperti mana yang kita sedia maklum di Republik Rakyat Cina, economic crime adalah dihukum dengan ditembak sehingga mati. Kita tidaklah sampai setakat itu kerana kita mempunyai asas undang-undang kita sendiri berasaskan kepada definisi tamadun kita.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan di bawah seksyen 3B(7), subseksyen ini pada amnya dilakukan oleh suatu institusi, iaitu kesalahan yang saya katakan tadi, pada amnya dilakukan oleh suatu institusi, maka penalti yang dikenakan adalah wajar memandangkan biasanya kesalahan yang dilakukan oleh institusi itu melibatkan jumlah wang yang banyak. Jadi penalti yang disebut ataupun digariskan di dalam subseksyen 7, seksyen baru 3B ini adalah sesuai dengan keadaan ataupun kesalahan yang dilakukan.

Yang Berhormat dari Tanjong juga bertanya sama ada akan terdapat penyalahgunaan kuasa memandangkan hukuman yang berat diperuntukkan di bawah ini. Saya pasti tidak ada penyalahgunaan kuasa dan jikalau ada pun ianya akan dipertimbangkan ataupun disiasat dan kita ada sistem check and balances. Saya pasti pihak-pihak yang berkenaan di bawah bahagian kehakiman, bahagian

judiciary, akan memastikan bahawa penyalahgunaan kuasa di bawah mana-mana undang-undang pun dapat diatasi dan dapat dihukumkan orang-orang yang menggunakan atau menyalahgunakan kuasa itu.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat, rakan-rakan, ahli Parlimen yang telah membahaskan undang-undang ini yang menyumbangkan kepada pembaikan undang-undang untuk memastikan bahawa industri niaga hadapan di negara akan terus maju. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Johar bin Haji Mahiruddin *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah saya rujuk kepada seksyen baru yang dicadangkan, seksyen 52C trust account yang dikatakan sebagai custodian,

account client, dan sebagainya, macam mana ia akan beroperasi dan siapakah akan menyimpan akaun-akaun ini dan kepada siapakah mereka perlu melaporkan. Adakah akaun ini dilaporkan, macam mana kita boleh dapat tahu setakat bilakah mereka perlu melaporkan dan adakah apa-apa insurans untuk perkara ini?.

Dato' Dr. Affifuddin b. Haji Omar: Tuan Pengerusi, mengenai trust account seperti mana yang kita sedia maklum ianya diadakan di bawah Securities Commission dan

mengenai dengan insurans penggunaannya saya tidak pasti secara detail dan kalau Yang Berhormat boleh tunggu saya akan beri jawapan selepas ini ataupun secara bertulis.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, dengan tepat soalan saya yang saya maksudkan adalah insurans di mana katakan ada trust account yang disimpan telah disediakan mengikut akta ini, jadi bila ada penyelewengan adakah insurans akan membayar, adakah insurans dimestikan, inilah soalan saya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu lah saya tidak pasti mengenai dengan jawapan, kalau saya tidak pasti saya akan menjawab selepas ini secara bertulis.

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)(NO. 2)1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.30 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Syarikat 1965 yang dibentangkan ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha memulihkan pasaran saham negara ini. Melalui kawalan tertentu ke atas aktiviti-aktiviti syarikat nominee, memperkenalkan konsep syer perbendaharaan, memanjangkan had tempoh sah opsyen dan memperkemaskan lagi peruntukan seksyen 176, Akta Syarikat 1965. Di samping itu seksyen 365 turut dipinda bertujuan untuk memastikan pemberian dividen oleh syarikat kepada pemegang sahamnya tidak disalahgunakan.

Selain daripada itu cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk mengiktiraf bahawa hanya rekod pendeposit sekuriti yang diterbitkan di depositori pusat sahaja sebagai daftar tunggal bagi ahli-ahli dan pemegang debentur, kepentingan dan opsyen yang diterbitkan oleh sesebuah syarikat yang disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No.2)1998 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 14 fasal pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Syarikat (Pindaan) 1997 yang dikuatkuasakan pada 1 September 1997, telah dimasukkan peruntukan baru seksyen 67A untuk membolehkan syarikat membeli balik syer mereka. Syer yang telah dibeli balik ini kemudian akan dibatalkan. Dalam tempoh setahun pelaksanaan peruntukan seksyen ini beberapa pihak terutama dari swasta dan korporat telah mengemukakan pandangan dan cadangan kepada kementerian, khususnya Pejabat Pendaftar Syarikat bahawa syer-syer yang telah dibeli balik tersebut tidak harus dibatalkan, sebaliknya dicadangkan supaya syarikat-syarikat tersebut dibenarkan untuk menyimpan syer-syer yang telah dibeli sebagai syer-syer perbendaharaan (treasury shares) tanpa menjejaskan kuasa syarikat untuk membatalkan syer-syer tersebut, sekiranya didapati sesuai dan memberi faedah kepada syarikat. Justeru itu cadangan pindaan kepada seksyen 67A dilakukan untuk memberi suatu pilihan lain kepada syarikat daripada dibatalkan kepada pilihan sama ada menyimpan keseluruhan syer tersebut sebagai syer Perbendaharaan atau membatalkan sebahagiannya

dan menyimpan sebahagian lain mengikut kesesuaian syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, pengarah-pengarah syarikat diingatkan agar tidak menyalahgunakan kemudahan ini. Peruntukan undang-undang yang sedia ada mengenai manipulasi pasaran, "insider trading" dan seumpamanya di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Syarikat 1965 dan Kanun Keseksaan masih terpakai dan dikuatkuasakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu peruntukan yang membenarkan sesebuah syarikat memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana individu perseorangan bagi tujuan membeli syernya adalah dicadangkan supaya dikeluarkan, bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham yang mungkin timbul ekoran dari pengenalan konsep syer Perbendaharaan dalam cadangan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kedua ialah melibatkan pindaan ke atas seksyen 68, Akta Syarikat 1965. Seksyen 68 sedia ada menyatakan tempoh seseorang boleh membeli syer sesuatu syarikat awam yang belum diterbitkan apabila diberi opsyen untuk berbuat demikian adalah selama 5 tahun. Walau bagaimanapun dengan kegawatan ekonomi sekarang telah menyebabkan nilai syer di pasaran saham turut mengalami kejatuhan dan ramai pemegang syer opsyen menghadapi kesulitan terutama mereka yang hampir tamat tempoh sahnya. Justeru itu pindaan ke atas subseksyen 68(5) mencadangkan dilanjutkan tempoh sah tersebut dari 5 tahun kepada 10 tahun.

Sehubungan dengan ini, peruntukan seksyen baru 68A telah dimasukkan untuk menghendaki syarikat-syarikat yang terlibat dalam pemberian syer opsyen menyimpan satu daftar opsyen bagi merekodkan butir-butir orang yang membeli syer belum terbit syarikat tersebut. Butir-butir tersebut hendaklah direkodkan dalam masa 14 hari selepas pemberian opsyen.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini turut meminda seksyen 69D di mana memegang syer substantial telah ditakrifkan semula sebagai mereka yang memegang syer melebihi 2% daripada jumlah syer syarikat berbanding dengan 5% dalam peruntukan yang sedia ada sekarang. Ia bertujuan untuk mengetatkan lagi keperluan untuk penzahiran (disclosure) maklumat mengenai kepentingan seseorang dalam sesebuah syarikat.

Sebagai menyokong tindakan BSKL yang melarang aktiviti syarikat-syarikat nominee di pasaran saham maka satu peruntukan baru di bawah seksyen 69B telah dimasukkan. Pada masa ini syarikat nominee di bawah Akta Syarikat 1965 tidak dikehendaki untuk mendedahkan maklumat mengenai pegangan saham dan benefisiari mereka kepada syarikat atau pihak berkuasa kerana syarikat-syarikat nominee adalah "bare trustee" dan tidak mempunyai kepentingan dalam syer yang dipegang olehnya. Justeru peruntukan baru seksyen 69B ini telah dimasukkan untuk menyifatkan (to deem) bahawa syarikat-syarikat nominee berkenaan, kini adalah sebagai pemegang syer substantial sekiranya mereka memegang 2% atau lebih daripada jumlah pegangan saham dalam sesebuah syarikat. Untuk itu keperluan penzahiran (disclosure requirements) yang terpakai kepada pemegang saham substantial iaitu seksyen 69E, F dan G adalah juga terpakai kepada syarikat nominee ini.

Selain dari itu, tempoh masa untuk penzahiran maklumat (disclosure of informations) di bawah seksyen 69E, F dan G juga dicadangkan dipercepatkan iaitu daripada 14 hari kepada 7 hari sahaja bagi memastikan maklumat dapat direkodkan dalam tempoh yang lebih singkat.

Tuan Yang di-pertua, cadangan pindaan kali ini turut melibatkan seksyen-seksyen yang berkaitan dengan keperluan penzahiran (disclosure requirements). Tujuan pindaan ini dilakukan adalah untuk menunjukkan bahawa kepentingan penzahiran maklumat amat diutamakan terutama apabila isu mengenai ketidaktelusan dalam sesuatu transaksi syarikat dibangkitkan semasa kegawatan sekarang. Justeru itu pindaan ke atas seksyen 69A(3) dan

69M dicadangkan bagi menaikkan denda maksimum kerana ketidakpatuhan peruntukan penzahiran masing-masing kepada RM1 juta.

Begitu juga cadangan pindaan Seksyen 690(6) yang memberi kuasa kepada BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti untuk menghendaki sesebuah syarikat itu supaya membekalkan maklumat berkaitan pegangan saham syarikat kepada kedua-dua pihak berkuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga turut memasukkan division baru iatu Division 6A ke dalam Bahagian IV Akta Syarikat 1965. Division baru 6A yang dicadangkan ini mengandungi 6 seksyen iaitu seksyen 107A, B, C, D, E dan F. Peruntukan ini hanya terpakai kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan di bursa saham yang mana sekuriti mereka disimpan di depository pusat atau central depository. Pengenalan Division 6A adalah mempunyai objektif berikut:-

- (i) untuk mengiktiraf pendeposit-pendeposit yang terdapat di dalam rekod pendeposit atau record of depositors. Di depository pusat sebagai ahli syarikat dan rekod pendeposit ini hendaklah disimpan oleh syarikat-syarikat berkenaan;
- (ii) untuk menghalang syarikat-syarikat daripada mendaftar sebarang permohonan bagi pemindahan sekuriti yang diterima olehnya. Sebarang permohonan pemindahan sedemikian hendaklah hanya boleh dilakukan dengan cara *book entry* oleh depository pusat sahaja; dan
- (iii) untuk melindungi rekod pendeposit di depository pusat dari sebarang pembetulan dan memeliharanya dari sebarang kesalahan transaksi.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 176 Akta Syarikat 1965, merupakan satu seksyen yang mendapat perhatian dan banyak telah diperkatakan mengenai seksyen ini sama ada dari segi kelebihan dan kekurangannya termasuk di Dewan yang mulia ini. Di waktu kegawatan ekonomi sekarang syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan kemungkinan berhadapan dengan tindakan oleh creditor telah disyorkan agar menggunakan seksyen ini untuk mendapatkan perintah perlindungan daripada mahkamah. Dalam tempoh perlindungan ini mereka boleh mengambil tindakan untuk memulihkan kembali syarikat dan merangka satu skim *arrangement and reconstruction*. Ini kerana sepanjang tempoh perlindungan tersebut, tiada mana-mana pihak boleh mengambil sebarang tindakan atau proceeding terhadap syarikat.

Walau bagaimanapun terdapat kelemahan ketara dalam seksyen ini khususnya di bawah seksyen 176 subseksyen (10), di mana pihak syarikat terdedah kepada kemungkinan menyalahgunakan peruntukan ini. Hal ini disebabkan seksyen 176(10) yang sedia ada, tidak memperuntukkan cara atau syarat bagi syarikat boleh memulakan permohonan di Mahkamah Tinggi dan permohonan oleh sesebuah syarikat itu lazimnya dibuat secara *exparty* tanpa pengetahuan pihak creditor. Oleh yang demikian cadangan pindaan ke atas seksyen 176 ini, iaitu pengenalan peruntukan subseksyen baru (10A), (10B), (10C), (10D) dan (10E) bertujuan untuk mengemaskan lagi peruntukan sedia ada. Di bawah subseksyen baru (10A) disyaratkan kepada syarikat-syarikat yang ingin mendapat perintah perlindungan awal di bawah subseksyen 176(10) dikehendaki mendapatkan persetujuan awal sekurang-kurang 50% daripada creditor mengikut nilai pinjaman yang diberikan.

Cadangan pindaan ini turut menyatakan had tempoh perintah perlindungan oleh mahkamah tidak melebihi 90 hari atau lebih jika mahkamah mendapati terdapat alasan-alasan kukuh yang dikemukakan oleh syarikat. Untuk mengelakkan tindakan oleh pengurusan syarikat daripada melupus atau menambah liabiliti atau aset semasa perlindungan awal, maka syarikat tersebut dikehendaki mengemukakan senarai aset dan liabiliti semasa membuat permohonan ke mahkamah.

Dengan itu sebarang pelupusan dan perolehan oleh syarikat dalam tempoh ini dianggap tidak sah, dan pengarah-pengarah yang terlibat boleh dijatuhkan hukuman. Sehubungan dengan ini cadangan pindaan telah memasukkan peruntukan menghendaki perlantikan seorang pengarah bebas oleh mahkamah semasa membuat perintah perlindungan berkenaan. Selain itu syarikat-syarikat yang telah mendapat perlindungan di bawah seksyen 176 ini dikehendaki menyerahkan-simpan perintah berkenaan dalam tempoh 7 hari ke Pejabat Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang terakhir ialah pindaan ke atas seksyen 365 untuk menghendaki syarikat-syarikat yang mempunyai tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 haribulan Julai 1997 hanya boleh membayar dividen kepada pemegang sahamnya pada sesuatu tahun kewangan tidak melebihi jumlah keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut atau peratus dividen yang dibayar sepanjang dua tahun kewangan sebelumnya. Pindaan ini bertujuan untuk mengawal tindakan pemberian dividen oleh sesetengah syarikat yang didapati membayar dividen daripada pinjaman yang dilakukan oleh syarikat atau membuat bayaran dividen secara berlebihan. Hal ini amat merugikan syarikat terutama sekiranya dividen berkenaan dibayar kepada pemegang saham warga asing yang menyebabkan pengaliran wang keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta seorang menyokong.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Marang.

11.46 pagi

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, adakah rang undang-undang meminda Akta Syarikat ini, merupakan satu cara bagi menggalakkan perkembangan ekonomi negara yang telah merudum di saat ini untuk dipulihkan semula dan melibatkan semua pihak di kalangan rakyat dan di kalangan negara ini daripada atas hingga ke bawah. Tidak dinafikan bahawa syarikat merupakan satu aktiviti di dalam menggalakkan perkembangan ekonomi. Bahkan di dalam Islam diletakkan dalam fasal yang khusus bagi membincangkan perkara-perkara syarikat ini, merupakan satu cara di dalam muamalah Islam.

Bagi mengembangkan ekonomi, secara bantu membantu dan tolong menolong di antara satu sama lain dengan memberi peluang kepada mereka yang tidak mampu bergerak dalam aktiviti ekonomi secara bersendirian maka dibenarkan kewujudan syarikat-syarikat dengan berbagai-bagai nama, sehingga di dalam ajaran Islam terdapat satu hadis Rasullullah S.A.W. yang menyatakan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menyatakan bahawa ia adalah salah satu yang terlibat di dalam syarikat yang dikendalikan oleh beberapa orang menunjukkan betapa mereka yang terlibat di dalam syarikat itu mestilah amanah, mestilah adil, mestilah ada tolong menolong di antara satu sama lain, dan tidak ada hasrat untuk mengkhianati dan menipu di antara satu sama lain, dan ia menjadi salah satu kegiatan ekonomi yang membantu rakyat dan membantu kerajaan dan memenuhi segala keperluan yang dikehendaki oleh rakyat dan negara melalui kegiatan ekonomi.

Masalah ini juga adakah rang undang-undang yang dibentangkan ini, benar-benar untuk menggalak dan melibatkan semua pihak dari atas hingga ke bawah. Ataupun hanya bagi memelihara kepentingan orang-orang yang tertentu dan kalangan yang tertentu yang

dirasakan menerima akibat yang parah daripada merudumnya ekonomi negara. Kalau perkara yang melibatkan rakyat bawahan kerajaan tidak cepat bertindak sehingga mengadakan sidang tergepar Dewan Rakyat seperti yang berlaku dalam masa dua hari ini. Di sana terdapat perkara-perkara yang menjadi tanda tanya dan menimbulkan keraguan, serius dan kesungguhan kerajaan dalam mengemukakan rang undang-undang yang berkait dengan meminda Akta Syarikat ini, benar-benar bagi mengendalikan ekonomi secara saksama dan secara ikhlas.

Saya menyebut sebagai satu contoh, pindaan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkait dengan Fasal 14, dikatakan pindaan kali ini juga bertujuan untuk memperkemaskan peruntukan seksyen 176 Akta Syarikat 1965 untuk mengelakkan penyalahgunaan oleh mana-mana pihak serta seksyen 365 untuk mengawal kegiatan pembayaran dividen secara berlebihan oleh syarikat-syarikat kepada pemegang sahamnya yang mungkin akan menjejaskan kedudukan kewangan syarikat tersebut.

Apa yang berlaku, bahkan lebih daripada itu, mereka yang berkempen dalam masalah saham ini juga, melakukan tindakan-tindakan bagi semata-mata untuk mengumpul wang orang ramai, untuk kepentingan mereka dengan tidak mengambil kira orang ramai yang mempunyai saham di dalam syarikat mereka. Bukan sahaja cara berkempen dengan pembayaran dividen secara berlebihan, bahkan di sana terdapat dengan cara menetapkan dividen yang merupakan salah satu unsur riba yang diharamkan oleh Islam.

Sebagaimana yang saya nyatakan dalam perbincangan yang awal Dewan ini, dengan tidak mengambil kira untung rugi dan naik turun, seolah-olah syarikat itu boleh memberi jaminan mesti untung. Dia tidak menerima kerugian sekali-kali sebagaimana kepimpinan negara kita merasakan bahawa ekonomi negara kita akan terus berkembang, tidak akan berlaku merudum. Oleh kerana memelihara kepentingan semua pihak, maka Islam mengharamkan cara menetapkan, ia merupakan satu aspek riba, yang menjadi mangsanya ialah semua pihak. Dan pihak kerajaan terlibat dalam muamalah yang seperti ini, walaupun ianya menyentuh orang Islam dan hak orang Islam membincangkan dalam masalah muamalah riba, tetapi penindasan dalam ekonomi hendaklah diharamkan bukan sahaja ke atas orang Islam, tetapi kepada seluruh rakyat dalam negara ini.

Contoh yang dilakukan oleh kerajaan ialah Amanah Saham Nasional, yang menetapkan dividen dan ramai di kalangan rakyat yang mengetahui bahawa di sana ada fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan. Beberapa tahun yang lalu yang tidak menghalalkan Amanah Saham Nasional ini, tetapi pihak kerajaan tidak mengumumkan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan ini, kerana kepentingan-kepentingan yang tertentu. Dan sebenarnya kerajaan boleh menerapkan ajaran Islam yang adil di dalam aspek syarikat, mereka mempunyai Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang boleh membuat kajian secara yang mendalam termasuk dalam bidang ekonomi.

Soalnya adakah kerajaan sungguh-sungguh hendak melaksanakan Islam secara hidayah, secara memohon petunjuk daripada Allah S.W.T. dengan yakin kepada keberkatan di dalam bidang ekonomi. Keberkatan merupakan satu istilah yang tidak ada dalam ilmu ekonomi Barat, yang hanya ada dalam ilmu ekonomi Islam, yang memberi pulangan yang baik kepada umat dan negara.

Bahkan kerajaan menyedari bahawa Bank Islam yang mengelakkan diri dari muamalah riba, tidak menerima kesan yang teruk daripada kemerosotan ekonomi negara seperti yang dialami oleh bank-bank yang lain. Adakah kerajaan mahu melaksanakan Islam secara hidayah dengan memohon petunjuk daripada Allah, yakin kepada hukum yang ditetapkan oleh Tuhan, atau secara jiwayah, yang dilihat dari aspek mata kasar untuk mendapat keuntungan semata-mata pada lahirnya dengan mengalakkan muamalah riba di dalam syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga mengemukakan bidang kuasa menteri meningkatkan denda maksimum. Kuasa yang diberi ke mahkamah, kuasa penahanan dan lain-lain bagi mengawal dan menjamin perjalanan syarikat. Soalnya adakah kuasa menteri, bidang mahkamah, penahanan dan lain-lain dapat dilaksanakan dengan adil, dengan betul dan tepat. Rakyat ragu dengan berita yang disebarkan pada hari ini, bekas Timbalan Perdana Menteri diperlakukan dengan begitu rupa, di dalam tahanan yang merupakan satu paksaan, dan oleh kerana itu maka kerajaan menyuruh dalam perkara membicarakan beliau tidak dengan cara yang terbuka bagi menyembunyikan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku. Kalau mereka yang setaraf bekas Timbalan Perdana Menteri boleh dilakukan demikian rupa, maka kita tak tahulah apa hendak jadi kepada orang-orang lain, yang lebih rendah daripadanya. Rakyat ragu walaupun ia telah menjadi keputusan mahkamah yang kita tidak boleh menghina mahkamah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jalan.

Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(1). Saya minta kalau boleh tumpukan ucapan kepada perkara ini, akta ini. Jangan jauh larinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan, Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut contoh kuasa menteri, baru dua tiga langkah sahaja, belum jauh lagi, Tuan Yang di-Pertua, belum jauh lagi.

Kalau orang yang seperti bekas Timbalan Perdana Menteri boleh diperlakukan demikian, rakyat juga mempunyai keraguan dalam perkara yang berkait dengan Ahli Parlimen Kota Melaka, sebagai contoh, walaupun ia telah menjadi keputusan dan kita bimbang pihak yang mengendalikan keadilan akan terjerumus ke dalam kezaliman, hakim-hakim yang ada di dalam negara kita ini

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri hendak minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, silakan.

Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak boleh membuat keputusan kita kerana keadilan dan kekasaran ini boleh dibuat dengan dua bentuk. Satu, dibuat oleh orang lain, yang satu lagi dibuat oleh diri sendiri. Biarlah jawatankuasa penyiasat ini membuat siasatan, adakah keadilan, kekasaran dan penderaan ini dibuat oleh orang lain atau dibuat oleh diri sendiri kerana kita manusia biasa, semua ini manusia biasa, polis manusia biasa, Ahli Dewan Rakyat manusia biasa, yang tertuduh manusia biasa.

Jadi, kecacatan diri sendiri boleh dilakukan oleh orang lain dan boleh juga dilakukan oleh orang itu sendiri. Jadi, biarlah badan penyiasat itu dibuat sebelum kita membuat keputusan. Sekian.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak membuat keputusan, tetapi banyak kenyataan yang dibuat oleh pihak kerajaan menunjukkan bahawa kerajaan telah membuat keputusan lebih awal, seolah-olah bekas Timbalan Perdana Menteri telah bersalah dan telah melakukan kesalahan-kesalahan yang

tersebut dengan membenarkan media massa, menyiarkan berita-berita yang terbuka, seolah-olah ia menjadi satu keputusan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(1), nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Marang sudah jauh, tumpukan kepada perbincangan tentang akta. Itu saya hendak membawa balik kepada pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, supaya kita tumpukan pandangan kita kepada akta yang ada, ini jauh benar perginya.

Tuan Yang di-Pertua: Okay. Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Belum jauh lagi, Tuan Yang di-Pertua, baru dua, tiga langkah sahaja. Saya hendak menyebut contoh dalam perkara yang berlaku di hadapan kita yang disiarkan oleh media massa pada hari ini, seolah-olah ia telah menjadi satu keputusan telah beberapa hari pada hal belum lagi keputusan mahkamah untuk memalukan beliau, memalukan keluarga beliau dan lain-lain, hendak mengheretkan percaturan politik dalam UMNO dengan penyingkiran yang dikaitkan dengan secara mengguna undang-undang yang seolah-olah telah menjadi keputusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tidak macam itu. Takkanlah macam mana seseorang itu dituduh dalam mahkamah melakukan suatu kesalahan, kemudian pihak polis, pihak saksi tentulah ada dan mereka itu mengatakan dia itu bersalah, di sebelah satu pihak dan di sebelah pihak yang lain, pihak yang menjawab ataupun yang tertuduh, dia kata dia tidak salah, kemudian yang menjatuhkan hukuman itulah hakimnya setelah menimbang kedua-dua pihak itu.

Saya rasa dalam perkara ini yang mengeluarkan kata-kata 'kerajaan tidak adil, kerajaan kejam, kerajaan buat aniaya' pada satu pihak. Kerajaan hendak membetulkan keadaan yang mereka itu kata.

Jadi, yang demikian kita berharaplah perkara ini akan pergi ke mahkamah dan biarlah hakim yang menghukumkannya setelah mendengar kedua-dua pihak. Itulah keadaan yang ada sekarang.

Jadi, yang demikian, janganlah kita hendak menuduhkan sesiapa, hendak mengatakan seseorang itu aniaya, sebelah lagi yang telah pun menuduh mereka itu telah pun menjatuhkan hukuman, itu tidak kena sebenarnya, Yang Berhormat. Silalah berucap perkara yang lain-lain jika ada.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh sesiapa, tetapi apa yang menjadi masalah diberi keizinan kepada media massa dengan menyiarkan kenyataan-kenyataan yang terbuka seolah-olah orang yang dituduh telah bersalah.

Dato' S. Subramaniam: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dikemukakan adalah berkaitan dengan Akta Syarikat dan juga untuk membetulkan ekonomi yang mengalami kegawatan dan beberapa tindakan ataupun hukuman yang

dicadangkan ialah untuk meningkatkan hukuman terhadap mereka yang melakukan penyelewengan, kesalahan di bawah akta ini.

Kalau Ahli Yang Berhormat merujuk terhadap penyalahgunaan kuasa di bawah akta ini dalam kes-kes yang berkaitan dengan orang-orang korporat, yang melakukan kesalahan dan sebagainya adalah lebih wajar dan itu boleh dijawabkan.

Kalau perkara-perkara lain, itu adalah di bawah bidang kuasa polis dan tidak berkaitan langsung dengan pindaan yang dicadangkan. Jadi, saya mintalah Ahli Yang Berhormat bercakap fasal perkara yang dibentangkanlah.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyebut contoh dan cara yang begini rupa akan berlaku kepada kesalahan-kesalahan yang berkait dengan Akta Syarikat ini di mana pengendaliannya akan dilakukan dengan cara yang sama dalam kes-kes yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini kebimbangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, kami sudah faham ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung, hendak gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya bimbang kalau-kalau hakim kita tidak berhati-hati di dalam mengendalikan sesuatu perkara

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan itu tidak kena itu, tidak boleh menuduh, tidak boleh mengatakan bimbang terhadap hakim, itu dia tersebut di dalam Peraturan Mesyuarat kita, melainkan Yang Berhormat mengeluarkan satu substantive motion, barulah boleh.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya bimbang supaya di dalam mengendalikan undang-undang di dalam negara kita ini maka pihak yang berkenaan tidak mengambil kira

Tuan Yang di-Pertua, ini hendak tutup.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Apa yang disebut oleh hadis Nabi Muhammad s.a.w. [*Membaca Hadis*] yang bermaksud "Mereka yang mengendalikan kehakiman itu ada tiga jenis. Satu jenis ke syurga dan dua jenis ke neraka." Yang satu jenis ke syurga ialah mereka yang mengetahui kebenaran, lalu ia menghukum dengan kebenaran dan kedua-dua ke neraka ialah mereka yang jahil, yang menghukum dengan kejahilnya ke neraka dan mereka yang mengetahui kebenaran lalu dia tidak menghukum dengan kebenaran oleh keadaan yang tertentu, ini juga ke neraka dan kita hendaklah mengambil kira ajaran-ajaran yang seperti ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Michael Lisa Kaya: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Yang Berhormat mengambil masa yang panjang atau pendek? Jikalau sekiranya kita boleh habiskan mesyuarat pada pagi ini, tidak perlulah

datang sebelah petang. Jikalau sekiranya Yang Berhormat hendak berucap panjang bolehlah sehingga ke petang, ikut sukalah kepada Ahli Yang Berhormat sekalian.

12.09 tgh.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja lima minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek sahaja, ya!

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan khusus untuk minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, sebelum itu kita mengucapkan berbilang terima kasih oleh kerana satu rang undang-undang dipinda dapat membantu kita khususnya para peniaga ataupun, dengan izin, businessman ataupun entrepreneurs.

Saya rasa sebetulnya, kalau kita pandang dari segi keadaan yang ada sekarang ini, kalau boleh rang undang-undang ini seharusnya dipinda mungkin enam bulan yang lalu. Walau bagaimanapun, kita bersetuju dengan sebulat suara, saya rasa inilah tepat kena dengan masanya, oleh kerana banyak perkara yang penting di sini, saya hendak bangkitkan tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya ingin bertanya tentang satu, dua perkara yang saya setakat ini belum pasti rasional di belakang perkara-perkara tertentu.

Saya ingin bertanya mengenai maksimum ataupun option yang diberi dipanjangkan daripada lima kepada sepuluh tahun iaitu di bawah Seksyen 68, apakah rasional di belakang memanjangkan daripada lima tahun kepada sepuluh tahun, memandangkan lima tahun itu pun panjang. Saya ingin bertanya kenapa tidak tujuh tahun? Kalau panjangnya sepuluh tahun itu memang panjang sekali kalau kita bandingkan dengan tempoh Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, dua penggal selama sepuluh tahun itu. Kenapa tidak tujuh tahun ataupun lapan tahun walaupun kita hendak panjangkan daripada lima tahun option yang diberikan.

Yang kedua, saya ingin bertanya di sini, sebetulnya banyak perkara yang dimaksudkan di dalam akta ini penglibatan pengarah-pengarah, dengan izin, directors penting sekali. Saya ingin bangkitkan di sini sekali lagi beberapa perkara yang kita selalu bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu mengenai bilakah masa negara kita ataupun Malaysia ingin mencadangkan sesuatu undang-undang di mana ahli lembaga pengarah, syarikat-syarikat yang ada di papan, dengan izin, on the first board or second board di mana semua ahli lembaga pengarah tersebut adalah orang yang berkelayakan, khususnya orang yang ada pengalaman dan ada berkelayakan dari segi, dengan izin, tertiary education.

Saya petikkan di sini misal kata dalam seksyen 67A (3A). Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

“(3A) Where a company has purchased its own shares, the directors of the company may resolve -

- (a) to cancel the shares so purchased;*
- (b) to retain the shares so purchased in treasury (in this Act referred to as “treasury shares”);*
- (c) to retain part of the shares so purchased as treasury shares and cancel the remainder.*

(3B) The directors of the company may -

- (a) distribute the treasury shares as dividends to shareholders, such dividend to be known as “share dividends”; or*

- (b) *resell the treasury shares on the market of the Stock Exchange on which the shares are quoted, in accordance with the relevant rules of the Stock Exchange.*"

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang baik. Tetapi dari segi implikasi dan akibatnya sekiranya dilaksanakan bergantung seratus peratus dengan kewibawaan dan kebolehan para lembaga pengarah. Kalau kita pandang dari segi apa yang berlaku sekarang ini banyak syarikat gergasi dan syarikat di papan kedua dan papan pertama, first board, second board, dengan izin, kebanyakan ahli lembaga pengarah adalah ahli daripada keluarga yang telah menjadi, dengan izin, the original shareholders of the company. Oleh kerana itu, kalau kita memberi mandat ini kepada para lembaga pengarah, bermakna, dengan izin, there might be a conflict of interest.

Oleh kerana itu, bila kita menggubalkan satu undang-undang di mana semua ahli lembaga pengarah syarikat yang dipasarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur, dengan izin, minimum must be graduate in financial matters, supaya kita sebagai public, saya ingin membuat deklarasi di sini, saya tidak ada minat ataupun hak-hak ataupun interest dalam syarikat-syarikat di papan satu dan kedua, untuk orang awam yang biasa kita harus memberi perlindungan untuk mereka. Itulah penjelasan yang saya minta tentang perkara ini.

Yang ketiga, saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya rasa satu langkah yang bijaksana apabila CLOB ini dibubarkan secara automatik oleh Kerajaan Singapura. Satu rang undang-undang yang dibentukkan di sini di mana pada masa dahulu semua syarikat yang betul-betul bergiat dalam pasaran, dengan izin, 'hiding behind the counters'. Oleh kerana itu, kita ucapkan tahniah dan harapan kita mulai daripada sekarang ketelusan di pasaran dan di market kita harus dapat dipertingkatkan. Ini sahaja yang saya ingin bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah lagi dan menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

12.14 tgh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang, mungkin lima minit sahaja. Saya bangun turut menyertai untuk memberikan penghargaan kepada kerajaan khususnya kementerian. Pada dua hari ini ataupun sidang sesi kita dua hari ini, akta yang terakhir ialah satu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dalam usaha kita untuk memulih ekonomi negara kita. Kalau semalam kita melihat bagaimana tiga campur satu, hari ini jadi empat akta, ke arah mengukuhkan industri sekuriti kita, pada hari ini, yang terakhir sebagai consequential juga kepada usaha untuk mengukuhkan industri sekuriti kita.

Saya turut mengucapkan syabas, dan hanya dua perkara saya hendak sentuh tidak mengambil masa yang panjang. Perkara yang pertama, iaitu di bawah seksyen 67A di mana kalau dahulunya mana-mana syarikat yang mahu melaksanakan belian balik saham mereka di bawah seksyen 67A dahulu selepas dibeli terpaksa dibatalkan, dan banyak syarikat yang merasakan bahawa wang ataupun kumpulan dana yang digunakan untuk membeli saham itu tidak dapat dicairkan kembali. Kalau dalam suasana liquidity atau kecairan yang ketat sekarang ini, kalau digunakan satu kumpulan dana untuk membelikan saham syarikat itu sendiri dan selepas itu tidak boleh batalkan sahaja saham itu, di mana wang itu habis begitu sahaja, tidak boleh dipusing kembali.

Sekarang ini dana yang digunakan untuk membeli saham untuk menjaga nilai saham yang sepatutnya. Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan bahawa ada saham dalam BSKL amat rendah nilainya kalau dibandingkan dengan nilai

NTanya. Sekarang ini mereka boleh beli saham-saham mereka dengan akta yang ada ini pada peringkat yang boleh dibeli kerana nilainya amat rendah, tidak lagi mengikut keadaan nilai yang sebenarnya. Kalau dahulu dibeli walaupun murah, selepas itu wang itu habis begitu sahaja tidak boleh dipusing. Dengan adanya peruntukan 67A ini saham-saham yang dibeli itu boleh disimpan sebagai syer perbendaharaan atau treasury share atau boleh dijual selepas itu bila ada peningkatan harga dalam pasaran. Kita mengucapkan syabas kepada Kementerian, kepada kerajaan. Model yang dicadangkan ini ialah model seperti di Amerika Syarikat.

Di IBM dahulu bila satu tahap syer jatuh, dibeli selepas itu dijual balik saham-saham IBM itu. Sekarang ini bolehlah syarikat-syarikat dalam BSKL membeli saham-saham mereka yang agak turun itu supaya dijagakan tahap nilai pasaran supaya lebih kepada nilai saham yang sebenar. Rayuan saya ialah supaya masyarakat korporat menggunakan peruntukan ini supaya dapat mengukuhkan dan meningkatkan nilai pasaran di pasaran BSKL kita. Tidak ada gunanya kalau kerajaan mengeluarkan peruntukan ini, mengadakan peruntukan ini, namun demikian tidak digunakan oleh pihak swasta. Yang keduanya pula dengan adanya liquidity yang lebih dalam pasaran sekarang ini syarikat-syarikat dalam BSKL boleh membantu kerajaan untuk memulihkan nilai pasaran dalam BSKL kita. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak menyentuh sedikit yang terakhir tentang CLOB. Kalau dahulu pembelian saham-saham ramai orang boleh berselindung di bawah nominee. Kadang-kadang ada syarikat yang terkeluar daripada kawalan kumpulan tertentu oleh kerana dia beli di bawah nominee tertentu. Dengan adanya peruntukan yang baru ini 69B, amat baik sekali bila ada nominee yang membeli saham lebih daripada 2% nominee terpaksa memaklumkan, saya kira kepada SC siapa yang sebenar di belakang mereka supaya tidak berlaku kehilangan kontrol atau kawalan terutama sekali syarikat-syarikat yang strategik dalam negara kita. Kita tidak tahu kerana nominee ini mungkin digunakan oleh syarikat asing. Kalau semuanya dibeli di bawah nominee, dia kumpulkan 10-15 nominee kali dua semua sudah 30%, mungkin syarikat-syarikat yang strategik di negara kita ini kehilangan kawalan daripada orang Malaysia. Ini satu usaha yang baik.

Saya pun sudah tamat masa lima minit saya. Saya turut mengucapkan syabas kepada kementerian kerana mengemukakan pindaan Akta Syarikat ini dalam agenda sidang kita yang khas ini untuk memulihkan ekonomi negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

12.20 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak akan mengambil masa yang panjang cuma beberapa perkara yang hendak saya sebutkan di sini termasuk 'insider trading'.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dibentangkan hari ini mengenai Akta Syarikat adalah sangat rumit dan memang ia diperlukan untuk langkah-langkah yang telah pun diumumkan bagi memulihkan ekonomi kita dan untuk memperketatkan kawalan ke atas Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah yang telah pun diambil untuk kawalan tukaran asing dan juga untuk kawalan ke atas pasaran kita supaya semua aktiviti yang dijalankan di bursa saham kita tidak dikendalikan oleh orang lain. Setakat ini saya nampak rizab kita pun sudah meningkat sedikit kepada tambahan lebih US\$90 juta dan sebelum saya teruskan ucapan saya, saya menyeru supaya kerajaan mempertimbangkan cara-cara, opsyen-opsyen yang lain untuk rizab kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat rizab mereka 70% disimpan di dalam emas, tetapi di Malaysia saya hendak mencadangkan supaya kita mempertimbangkan cara-

cara yang baik untuk menyimpan rizab kita sama ada di dalam emas, di dalam petroleum ataupun di dalam kelapa sawit kerana itu harga yang baik dan sebagainya. Memang perkara ini mestilah kita timbangkan kerana di dalam Dollar Amerika pun nilai itu bertukar-tukar mengikut keadaan terutamanya sekarang dengan ekonomi Amerika Syarikat di dalam keadaan bubble economy mungkin tidak lama lagi mereka akan menghadapi kesusahan dan sebab itulah kita mesti fikirkan cara-cara yang lain untuk menyimpan rizab kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya beberapa perkara mengenai masalah pindaan untuk membolehkan syarikat membeli balik syer mereka dan peruntukan yang sedia ada menghendaki supaya syer itu kemudian dibatalkan dan mengikut pindaan ini ialah mengadakan satu pilihan lain kepada pembatalan itu. Di bawah pindaan yang dicadangkan ini syarikat boleh memilih untuk mengekalkan syer itu dalam Perbendaharaan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan lebih teliti kerana ini satu perkara yang sangat rumit dan saya pun tidak begitu faham apakah yang dimaksudkan di dalam pindaan ini dan juga di dalam usaha untuk memperbaiki keadaan, di dalam pindaan ini ada menambahkan tempoh seseorang boleh membeli syer belum terbit sesuatu syarikat awam apabila diberi opsiyen untuk berbuat demikian oleh syarikat itu daripada lima tahun kepada sepuluh tahun. Saya tidak faham mengapa kita mesti panjangkan daripada lima tahun kepada sepuluh tahun, apakah kriteria yang digunakan untuk memanjangkan tempoh ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai penzahiran. Penzahiran ini memang diperlukan kerana kita hendak sekuriti kita lebih telus kerana dengan penzahiran dan ketelusan ini kita dapat memperkuat keberkesanan kita untuk menghapuskan insider trading dan manipulasi pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah penzahiran ini saya nampak dendanya ditambahkan daripada RM50,000 kepada RM1 juta. Ini memang saya tidak menafikan kita mesti menambahkan penalti dan juga saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di bawah peruntukan Akta 125. Sekarang kita ada memindahkan seksyen 69D, di bawah peruntukan sedia ada, seseorang pemegang syer menjadi pemegang syer substansial, sekiranya beliau memegang tidak kurang daripada 5% syer sesuatu syarikat. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengurangkan had itu menjadi 2%. Mengapa kita kurangkan daripada 5% kepada 2%?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindaan-pindaan ini adalah diperlukan kerana pada masa dahulu kita pun ada meminda Securities Industry Act dan juga Securities Industry (Central Depositories) Act dengan SIA, SICDA dipinda, maka kita perlu pinda Akta Syarikat ini selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam SIA dan SICDA. Daripada peruntukan-peruntukan ini kita dapati untuk penzahiran daripada pengarah-pengarah dan juga ketua pengarah. Lain-lain orang juga didefinisikan sebagai insider iaitu orang-orang yang mempunyai maklumat yang

tidak didapati secara am bukan sahaja terhad kepada, dengan izin, 'not just person with fiduciary duties, CEOs and directors', ini memang diperlukan kerana insider trading bukan sahaja dilakukan oleh pengarah ataupun ketua pengarah dan seseorang itu yang berkomunikasi maklumat dalaman supaya orang yang lain dapat menggunakan untuk kepentingannya, maka ini disebutkan sebagai insider trading juga dan dengan yang demikian kita dapati skop untuk mengawal insider trading sudah diperluaskan.

Di sini saya nampak walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sebutkan usaha untuk mengawal insider trading dan manipulasi pasaran, tetapi kita tidak dapat maklumat yang lengkap mengenai masalah insider trading yang berlaku di negara ini, sebab itulah saya mencadangkan supaya satu siasatan diadakan ke atas kegiatan-kegiatan manipulasi pasaran dan termasuk insider trading supaya kita dapat tahu apakah sebenarnya berlaku di pasaran kita sebab usaha kita hendaklah mengawal semua ini. Kalau kita tidak dapat maklumat yang lengkap mengenai kegiatan-kegiatan manipulasi dan insider trading

ini bagaimana kita dapat mengawal dengan lebih berkesan, sebab itu saya mencadangkan satu siasatan diadakan ke atas aktiviti-aktiviti seumpama ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Petaling Jaya Utara. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

12.30 tgh.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh satu perkara sahaja. Dalam sidang yang dahulu saya pun ada membangkitkan perkara Seksyen 176 di dalam Dewan ini berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan semasa itu jawapan kementerian ialah Seksyen 176 tidak akan dipinda dan selepas itu di dalam perbincangan Akta Bankrapsi (Pindaan) saya pun memberitahu kepada dewan ini saya rasa Seksyen 176 sekarang telah disalah guna, satu abuse dan kalau kita tidak meminda Seksyen 176 dan pada satu konsep judicial management yang digunakan di negara asing lain kita akan ada satu perkara yang penting oleh sebab di dalam kes kebangkrutan kita akan ada genuine dan honest businessmen termasuk di dalam senarai itu dan sebab itu kita akan menambahkan peniaga-peniaga yang baik dan ikhlas ke senarai bankrapsi.

Tuan Yang di-Pertua, masa itu saya ada merayu kepada kerajaan untuk mengkaji semula perkara ini berkenaan pemindaan Seksyen 176 dan saya pun sangat puas hati oleh sebab kerajaan dengan secepat mungkin telah buat satu pindaan walaupun pindaan itu tidak seperti judicial management tetapi itu pun merupakan satu tambahan pembaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tadi yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri berkenaan ex parte dan inter parte. Apa itu yang dicakapkan tadi berkenaan ex parte dan inter parte. Saya hendak membacakan dari surat khabar berkenaan Seksyen 176 berkenaan ex parte dengan izin "considering the urgent needs for protection under the subsection, giving notice to creditors will delay things by weeks or even months", Morais said "Once a winding order is made, Section 176(10) no longer applies, then it is impossible to get a restraint order."

Morais also reiterated that the idea of Section 176(10) was that the company asked the court to order a meeting. "What is the point of having an inter-partes hearing, when everybody turns up in court to state their position in which case it won't be a friendly meeting anymore?" he said. "What happens at a meeting of creditors and what happens in court are two different things. In court, creditors will be represented by lawyers and everybody will take an adversarial position requesting acceptance or rejection of the proposal. In a meeting, on the other hand, it is a discussion and there is give and take."

Berkenaan ini saya hendak penjelasan dari Timbalan Menteri yang bila Timbalan Menteri cakap ex parte dan inter-partes, apa ex parte dan inter-partes berkenaan hearing di mahkamah atau berkenaan sokongan dari creditors, oleh sebab berkenaan ex parte dan inter-partes hearing di mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan tidak cukup jelas, pindaan itu tidak bercakap mengenai hearing, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

12.33 tgh.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada semua enam ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang yang dibentangkan oleh Kementerian. Pada keseluruhannya pandangan-pandangan dan teguran adalah yang membina dan saya ucapkan terima kasih, perkara-perkara yang telah dibangkitkan saya

akan menjawab secara am tetapi kita telah mengambil maklum mengenai semua perkara yang dibangkitkan.

Yang pertama, Akta ini adalah sebenarnya untuk memulihkan keadaan ekonomi dan pasaran saham industri pasaran saham dan Akta ini adalah bagi kepentingan keseluruhan negara dan keseluruhan rakyat, tidak dan bukan untuk orang-orang tertentu seperti sangkaan yang dibuat oleh ahli Yang Berhormat dari Marang

Sesuatu rang undang-undang apabila diluluskan oleh Dewan apabila dijadikan sebagai undang-undang adalah bagi semua dan setiap rakyat boleh menggunakan undang-undang ini untuk membela dan juga untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang yang terdapat dalam negara kita. Tidak ada layanan istimewa kepada mana-mana pihak, semua pihak akan diberi pertimbangan dan juga treatment yang sama di bawah Akta ini.

Pindaan kali ini adalah untuk membantu usaha kerajaan untuk menangani masalah kegawatan kewangan dan ada beberapa pindaan yang lain yang telah dibentangkan pada hari semalam, lima rang undang-undang semuanya adalah tujuan yang sama.

Tentang Seksyen 365 – pemberian dividen, tujuan kita adalah supaya ada syarikat-syarikat tertentu dalam keadaan sekarang boleh memberi dividen yang lebih. Pindaan yang dicadangkan ialah dividen itu boleh diberi sehingga keuntungan yang diperolehi bagi tahun kewangan tersebut selepas tolak cukai. Ini satu pindaan yang baik dan boleh diterima oleh semua atau kalau perlu purata dua tahun yang kebelakangan itu dividen boleh dibayar.

Kita tidak mahu syarikat-syarikat tertentu membayar dividen yang berlebihan khususnya kepada warga asing yang boleh membawa dividen itu keluar dari negara kita dan merugikan ekonomi dan negara bila kita menghadapi masalah.

Mengenai Ahli dari Bukit Mas yang telah meminta mengenai mengapa kita memanjangkan tempoh dari 5 tahun kepada 10 tahun bagi membeli opsyen saham syer dari sesebuah syarikat untuk membeli balik. Saya telah menjelaskan bahawa 5 tahun ini ada dalam peruntukan lama, kita tambah sehingga 10 tahun tetapi ini adalah maksimum, bukan minimum, tidak melebihi 10 tahun. Kalau keadaan mengizinkan dan keadaan pasaran saham berubah dan harganya naik dan masa itu orang boleh beli syer opsyen itu, dia dapat keuntungan yang lebih. Jadi ini adalah maximum period, tidak mengehadkan kalau keadaan berubah dan juga syarikat dan orang yang mempunyai opsyen ingin membeli.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas tentang ahli lembaga pengarah. Pada kebiasaannya saya setuju bahawa ahli lembaga pengarah perlu menjalankan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab dan sedar tentang tanggungjawab mereka dan kita telah mengadakan banyak usaha-usaha termasuklah code of ethics ketua pengarah dan sebagainya selain daripada kursus dan sebagainya tetapi dari segi undang-undang segala tindakan dan keputusan lembaga pengarah mengenai pembelian balik saham dan lain-lain mesti untuk kepentingan syarikat. Mereka mesti memberi keutamaan bagi kepentingan syarikat bila mengambil sesuatu keputusan.

Selain dari itu semua peruntukan undang-undang yang melibatkan kegiatan jenayah atau conflict of interest di bawah Akta Syarikat atau lain-lain akta yang berkaitan akan turut terpakai dan boleh dikuatkuasakan sekiranya ada Lembaga Pengarah yang menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan peribadi. Tetapi cadangan ahli Yang Berhormat bahawa Pengarah perlu fasih dalam perkara-perkara dan juga memainkan peranan yang bertanggungjawab diterima sepenuhnya oleh kementerian dan ini adalah satu harapan kita juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah pun membangkitkan mengapa konsep syer Perbendaharaan. Ini adalah perkara yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang

Berhormat dari dalam Dewan ini juga. Beberapa ahli-ahli Yang Berhormat telahpun ucap terima kasih fasal pindaan ini telah dibuat. Pindaan yang kita buat yang lalu ialah bahawa syer yang dibeli itu perlu dibatalkan, cancel selepas beli. Ini akan merugikan syarikat. Perkara itu dibangkitkan.

Sekarang apa yang kita cadangkan ialah syer yang dibeli oleh syarikat dengan kewangan syarikat, kalau ada kewangan, dia beli dan jadikan syer itu sebagai treasury share atau yang disimpan di syarikat sahaja. Duit syarikat, beli syer itu dan simpan. Oleh kerana pasaran sekarang, harga syer itu rendah dan selepas itu kalau mereka cancel syer itu boleh simpan dan apabila masa kalau harga syer itu naik, kalau syarikat mahu jual balik dalam pasaran, boleh juga, atau gunakan syer ini bagi membayar dividen kepada pemegang syer. Itupun dibenarkan. Tetapi kalau ada syarikat-syarikat mahu cancel syer itu, batalkan daripada rekod, boleh juga. Ada pilihan.

Ini bukan satu perkara yang baru. Sebenarnya adalah yang dipraktikkan di Amerika Syarikat yang terdapat dahulu dalam akta undang-undang syarikat itu adalah terdapat di Britain, di Australia. Jadi treasury share sebenarnya adalah saham yang dibeli oleh syarikat dengan menggunakan wang syarikat dan disimpan di syarikat. Itu sahaja sebagai aset syarikat.

Tentang apakah sebabnya dulu 5% kalau seseorang memegang saham sehingga 5% perlu disclose perkara ini kepada pihak yang berkuasa. Sekarang kita menurunkan peratusan itu hingga 2%. Ini mengetatkan lagi kawalan kita terhadap mereka yang membuat perniagaan di bursa saham. Ini tidak ada tujuan lain. Kalau orang yang mahu buat perniagaan khususnya melalui nominee company dan sebagainya, kita mahu mengetahui tentang mereka-mereka yang menjalankan urusniaga. Jadi kalau kurang dari 2%, tak payah. Oleh kerana ramai yang memegang seratus syer dan sebagainya, tidak ada satu pengaruh yang besar, yang perlu diketahui. Oleh kerana itu kita mengurangkan dari 5% kepada 2%.

Akhir sekali adalah daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang telah membangkitkan tentang judicial management dalam pindaan yang telah dibentangkan dan saya berpuas hati bahawa setelah kita melakukan pindaan-pindaan yang baik buat masa ini. Tentang ex parte, kalau dulu sesuatu syarikat ingin dapat satu perlindungan, moratorium, mereka tanpa merujuk kepada kreditor boleh pergi ke mahkamah dan dapat perintah ex parte tanpa penglibatan kereta. Dengan pindaan ini kita memerlukan sebelum pergi ke mahkamah, perlu mendapat persetujuan daripada kreditor sekurang-kurangnya 50% jumlah nilai kereta. Lepas itu, mereka boleh ke mahkamah. Ini bererti kreditor mengetahui seawal-awalnya bahawa syarikat akan ambil pergi ke mahkamah untuk mendapat satu moratorium untuk melaksanakan satu arrangement untuk menjalankan syarikat berkenaan. Jadi tidak ada perbicaraan pada masa itu. Tetapi mereka mendapat persetujuan 50% daripada kreditor, lepas itu peruntukan-peruntukan yang sedia ada pun perlu dipakai.

Selepas dapat perintah mahkamah, mereka perlu panggil sekali lagi peruntukan yang sedia ada dari semua kreditor dan dapat persetujuan, barulah mereka pergi mahkamah balik dengan arrangement for reconstruction syarikat tersebut. Inipun untuk memberi perlindungan kepada kreditor, kalau tidak, mereka akan rugi. Lepas dapat moratorium daripada mahkamah, syarikat boleh jual aset, boleh melakukan perkara-perkara yang merugikan kepentingan syarikat dan juga pemegang-pemegang saham. Itulah tujuannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan beberapa pandangan dan juga membuat contribution yang positif terhadap akta Rang Undang-undang ini dan sekian penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kita membincang dan meluluskan beberapa undang-undang yang kita harap dapat menolong mengembalikan keadaan ekonomi negara kita. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dan juga terima kasih daripada Timbalan-timbalan Yang di-Pertua saya. Dengan demikian mesyuarat ditangguhkan kepada 20 Oktober 1998 yang akan datang

Dewan Ditangguhkan pada pukul 12.50 tengahari.